

# MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

LAPORAN TAHUNAN 2014 MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ  
IBNI ALMAHRUM SULTAN SALAHUDDIN ABD AZIZ SHAH ALHAJ  
D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak),  
D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah),  
D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUA NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALAN DAERAH TAKLUKNYA




**BENDERA PERIBADI**  
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR



# KANDUNGAN

VISI, MISI & ENTITI	1
KEWAJIPAN & KUASA	2
LAPORAN PENERUSI	3
LAPORAN SETIAUSAHA	4
AHLI MESYUARAT MAIS 2012-2014	5
PELAKSANAAN MESYUARAT	6
LAPORAN KEWANGAN BERAUDIT	7
LAPORAN AKTIVITI	47
STATISTIK	69
KERATAN AKHBAR	73



## Visi MAIS

MAIS menjadi sebuah organisasi (perbadanan) Islam yang teguh, berwibawa, beriman dan dijadikan organisasi Islam contoh pada tahun 2025.


## Misi MAIS

Membangunkan ummah melalui pembentukan masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakhlak, ekonomi yang perkasa, usaha-usaha dakwah yang berkesan, pengurusan harta yang cekap dan institusi agama yang proaktif.

## Entiti MAIS

Suatu Badan Berkanun Negeri yang kekal dan Pihak Berkuasa Utama selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

\*Seksyen 54 dan 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.



## Kewajipan **MAIS**

MAIS bertanggungjawab untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat Islam di dalam negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.


\*Seksyen 7 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

## Kuasa **MAIS**

- Menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian
- Menubuhkan perbadanan atau syarikat
- Bekerjasama dalam menjalankan apa-apa kegiatan dengan mana-mana pihak
- Membuat apa-apa pelaburan yang dibenarkan
- Menubuhkan apa-apa pelaburan yang dibenarkan
- Menubuhkan apa-apa skim pinjaman daripada Baitulmal
- Melakukan perkara lain suai manfaat
- Menubuhkan sekolah Islam, institusi latihan dan penyelidikan wasi sesuatu wasiat
- Pentadbir harta pusaka
- Pemegang amanah tunggal wakaf
- Memegang dan menikmati apa-apa harta alih dan tidak alih
- Pemegang amanah masjid
- Mengislamkan dan menjaga mualaf

# Laporan Pengerusi MAIS

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang,

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Bagi pihak Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), saya selaku Pengerusi MAIS dengan sukacita mengemukakan laporan mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta penyata kewangan bagi tahun 2014.

MAIS, pada tahun 2014 memfokuskan kepada gerakan dakwah meliputi perancangan dan strategi dalam melaksanakan usaha dakwah supaya lebih berkesan. Objektif MAIS dalam memperkasakan dakwah turut disokong dan dibantu oleh Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi) terutamanya dakwah kepada golongan muallaf dan riqab. Dalam melaksanakan usaha dakwah ini, NGOi turut diberi sumbangan oleh MAIS berjumlah lebih daripada RM12 juta setahun termasuk 23 buah rumah kebajikan dan perlindungan yang berdaftar di bawah MAIS. Selain sumbangan kepada NGOi, MAIS turut memperuntukkan bajet khusus yang diagihkan secara terus kepada golongan asnaf riqab yang memerlukan bantuan seperti pemulihan, perlindungan, rawatan, pencegahan dan kawalan sebanyak RM23 juta melalui pembinaan pusat-pusat pemulihan kendalian MAIS sendiri.


Akhir kata, saya mewakili Ahli-ahli MAIS, pegawai dan kakitangan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada DYMM Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam atas titah nasihat Baginda demi memartabatkan syiar Islam di negeri Selangor. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah membantu dan menyokong perjuangan MAIS selama ini. Hanya kepada Allah SWT saya serahkan untuk mengurniakan ganjaran yang setimpal.

Sekian, wassalam.

**DATO' SETIA HJ. MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**

S.S.I.S., D.S.S.A., K.M.N., A.M.N.

**PENGERUSI MAIS**



# Laporan Setiausaha MAIS



Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang,

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Syukur ke hadrat Illahi kerana atas limpah kurniaNya, MAIS dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2014 yang mengandungi Laporan Penyata Kewangan MAIS 2014 yang telah diaudit dan juga laporan aktiviti MAIS sepanjang tahun 2014 untuk hebahan kepada masyarakat Islam Selangor khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Sepanjang tahun 2014, MAIS sentiasa berusaha melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya secara konsisten. MAIS selaku badan yang dipertanggungjawabkan mengurus lapan asnaf, wakaf dan harta baitulmal sentiasa memastikan gerak kerja dan penetapan Key Performance Indicator (KPI) menyokong fungsi utama ini.

Dalam melaksanakan fungsi ini, selain anak syarikat yang diwujudkan, MAIS turut dibantu oleh Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi) dan pakar-pakar yang memberi sumbangan buah fikiran melalui pertemuan dan mesyuarat yang diadakan secara berkala. Di kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan kejayaan MAIS dan anak syarikat dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Semoga komitmen yang diberikan mendapat balasan yang setimpalnya daripada Allah SWT. Sekian, wassalam.


**DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN**

D.S.I.S., S.M.S., A.M.S.

**SETIAUSAHA MAIS**

# Ahli Mesyuarat MAIS 2012-2014

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



1

**Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa**  
Pengerusi MAIS  
S.S.I.S., D.S.S.A., K.M.N., A.M.N.

2

**Y.A.D. Dato' Setia Ramli bin Mahmud**  
Timbalan Pengerusi MAIS,  
Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor  
S.S.I.S., D.P.M.S.

3

**Y.B. Dato' Mohammed Khusrin bin Haji Munawi**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.

4

**Y.B. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman**  
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor  
D.I.M.P.

5

**Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman**  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor  
S.I.S., D.P.M.S.

6

**Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abd. Wahid**  
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor  
S.S.I.S., D.P.M.S., P.P.T.

7

**Y.D.H. Senior DCP Dato' Pahlawan Mohd Shukri bin Dahlan**  
Ketua Polis Selangor  
D.P.M.S., D.P.T.S., D.I.M.P., P.S.P.P.

8

**Y.A.D. Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahrudin Shah Alhaj**  
Ahli Dewan di-Raja Selangor  
S.S.I.S., D.S.S.A., S.M.S., P.J.K.

9

**Y.A.D. Dato' Setia Abdul Halim bin Dato' Haji Abdul Rauf**  
Ahli Dewan di-Raja Selangor  
S.S.I.S., D.P.M.S., P.S.D., K.M.N.

10

**Y.Bhg. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamaruddin**  
Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
S.S.A.P., D.P.M.S., D.I.M.P.

11

**Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Sidek bin Baba**  
Profesor Institut Pendidikan UIAM  
D.S.I.S.

12

**Y.Bhg. Dato' Aidit bin Ghazali**  
Pengerusi Eksekutif Akademi Aidit Sdn. Bhd.  
D.S.S.A., S.S.A.

13

**Y.Bhg. Dato' Salehuddin bin Saidin**  
Peguambela & Peguamcara  
D.S.I.S., A.M.S., P.P.T.

14

**Y.Bhg. Dato' Haji Sarip bin Hamid**  
Pengerusi Sarmid Holdings Malaysia Sdn. Bhd.  
D.S.I.S., D.M.S.M., D.S.M.

15

**Y.D.H. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir**  
Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Petaling  
D.S.S.A., S.S.A., A.M.N.

16

**Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Haji Mohd Mokhtar bin Shafii**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor  
D.I.M.P.

17

**Y.Bhg. Dato' Dr. Haji Hasan bin Haji Mohamed Ali**  
Pengerusi Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan  
D.I.M.P., S.M.S.

18


**Y.Bhg. Prof. Dr. Mujaini bin Tarimin**  
Dekan Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial  
Universiti Industri Selangor (UNISEL)

19

**Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi**  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian Pembangunan Desa Negeri Selangor

20

**Y.Bhg. Tuan Ahmad Zaharin bin Mohd Saad**  
Pengaroh Jabatan Agama Islam Selangor  
S.M.S., B.P.C.



Pelaksanaan Mesyuarat MAIS pada tahun berakhir 31 Disember 2014 telah bersidang lima kali. Manakala Mesyuarat Khas MAIS sebanyak dua kali. Berikut adalah maklumat mengenai mesyuarat tersebut:


	Pelaksanaan	Tarikh
1.	Mesyuarat MAIS Bil.1	21 Januari 2014
2.	Mesyuarat MAIS Bil.2	22 April 2014
3.	Mesyuarat MAIS Bil.3	7 Julai 2014
4.	Mesyuarat MAIS Bil.4	23 September 2014
5.	Mesyuarat MAIS Bil.5	18 November 2014
6.	Mesyuarat Khas MAIS Bil.1	13 Jun 2014
7.	Mesyuarat Khas MAIS Bil.2	21 Oktober 2014

Mesyuarat MAIS hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalender boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya.

Seksyen 21(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Berikut adalah maklumat serta prestasi mesyuarat jawatankuasa tetap MAIS dalam melaksanakan kewajipan dan fungsi-fungsi MAIS berdasarkan Seksyen 27, Enakmen Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sepanjang tahun 2014

Nama Jawatankuasa	Urusetia	Kekerapan Mesyuarat
Jawatankuasa Baitulmal	MAIS	4/2014
Jawatankuasa Pelaburan	MAIS	1/2014
Jawatankuasa Pengurusan Wakaf	MAIS	1/2014
Jawatankuasa Sumber Manusia	MAIS	3/2014
Jawatankuasa Audit	MAIS	4/2014
Jawatankuasa Urus Tadbir Toyyib Dan Organisasi	MAIS	2/2014
Jawatankuasa Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor	MAIS	1/2014
Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Dan Modal Insan	JAIS	1/2014
Jawatankuasa Peguam Syarie	JAKESS	2/2014
Jawatankuasa Undang-Undang	MAIS	2/2014
Jawatankuasa Muallaf Negeri Selangor	MAIS	1/2014
Jawatankuasa Penyelarasan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan	MAIS	4/2014
Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor	MUFTI	5/2014
Jawatankuasa Tauliah	JAIS	5/2014
Jawatankuasa Pengawalan Akidah	JAIS	2/2014
Jawatankuasa Kariah	JAIS	5/2014
Jawatankuasa Panel Khutbah	JAIS	24/2014
Jawatankuasa Riqab	MAIS	1/2014



**LAPORAN  
KEWANGAN  
BERAUDIT**  
LAPORAN TAHUNAN 2014

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor Dan Kumpulan yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi Tahun Berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain

#### *Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*


Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

#### *Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.



### *Pendapat*


Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya pada tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan bagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**KETUA AUDIT NEGARA**  
**MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**  
**27 OGOS 2015**





## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

### PENYATA PENGURUSAN DAN SEORANG AHLI MAJLIS

"Kami, **Dato Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa** dan **Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi** yang merupakan pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Selangor, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, penyata kewangan yang terdiri daripada Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti serta nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor pada 31 hb. Disember 2014 dan hasil kendaliannya dan perubahan ekuiti serta perubahan kedudukan kewangan kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Bagi pihak Majlis,

**NAMA:** Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa

**GELARAN:** Pengerusi

**Tarikh:**.....2.8.APR.2015.....

Majlis Agama Islam Selangor,  
Tingkat 9 & 10, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No.2, Persiaran Masjid,  
Bukit SUK, Seksyen 5,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan


Bagi pihak Majlis,

**NAMA:** Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi

**GELARAN:** Ahli Majlis

**Tarikh:**.....2.8.APR.2015.....

Pejabat Y.B Setiausaha Kerajaan  
Negeri Selangor,  
Tingkat 19, Bangunan SSAAS,  
40503 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan




**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**PENGAKUAN OLEH PAGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

Saya, **Dato' Bakhtiar Bin Hussin, K.P NO: 581219-01-5935**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam Selangor, dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 hb. Disember 2014, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya  
diakui oleh penama dia atas  
di Shah Alam, Selangor D.F.,  
pada..... **28 APR 2015** .....

)  
)  
)  
)  
)



Dihadapan saya :





Lot 03-10, Tingkat 3,  
Kompleks PKNS,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 012-627 4140

# Lembaran Imbangan Pada 31 Desember 2014


## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

### LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	KUMPULAN		MAIS	
		2014	2013	2014	2013
		RM	RM	RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>					
Hartanah Loji Dan Peralatan	4	<b>129,401,106</b>	115,382,541	<b>108,977,831</b>	95,903,051
Kerja Dalam Kemajuan	5	<b>164,344</b>	-	-	-
Pelaburan	6	<b>14,175,663</b>	7,191,593	<b>14,175,663</b>	7,191,593
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	7	-	-	<b>8,155,935</b>	8,155,935
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	8	<b>3,616,483</b>	3,985,508	-	-
Muhibah		-	19,623	-	-
Cukai Tertunda	9	<b>169,975</b>	232,660	-	-
		<b>147,527,571</b>	126,811,925	<b>131,309,429</b>	111,250,579
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori	10	<b>296,716</b>	392,570	-	-
Penghutang	11	<b>46,406,887</b>	53,631,966	<b>8,658,919</b>	11,898,955
Pelbagai Penghutang dan Deposit	12	<b>9,025,255</b>	10,265,712	<b>866,813</b>	1,643,154
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari	13	-	-	<b>9,268,304</b>	9,268,304
Pendahuluan Kepada Syarikat Bersekutu	14	<b>48,236</b>	48,236	-	-
Pendahuluan Agihan Zakat & Wakaf	15	<b>770,299</b>	3,237,545	<b>770,299</b>	3,237,545
Cukai dikembalikan		<b>368,672</b>	72,457	-	-
Wang Wakaf	16	<b>54,123,723</b>	22,978,955	<b>54,123,723</b>	22,978,955
Wang Dalam Perjalanan	17	<b>47,482,156</b>	55,339,014	<b>47,482,156</b>	55,339,014
Pelaburan Mudharabah	18	<b>97,170,114</b>	233,391,276	<b>86,467,516</b>	229,123,995
Tunai Di Tangan dan Bank	19	<b>203,858,643</b>	85,731,107	<b>196,674,121</b>	81,972,271
		<b>459,550,701</b>	465,088,838	<b>404,311,851</b>	415,462,193
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Wang Amanah	20	<b>678,366</b>	422,269	<b>678,366</b>	422,269
Wakaf Khas	21	<b>28,702,053</b>	20,801,305	<b>28,702,053</b>	20,801,305
Istibdal Wakaf	22	<b>1,734,917</b>	1,734,917	<b>1,734,917</b>	1,734,917
Pemiutang Perniagaan		<b>5,958,534</b>	9,068,464	-	-
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	23	<b>55,493,072</b>	32,982,221	<b>14,761,646</b>	17,614,921
Wang Cagaran, Deposit dan Pendahuluan	24	<b>3,001,241</b>	5,052,957	<b>2,457,152</b>	1,980,499
Pembiayaan	25	<b>310,607</b>	1,030,172	-	737,387
Peruntukan Cukai & Zakat		<b>495,443</b>	272,474	-	-
		<b>96,374,233</b>	71,364,779	<b>48,334,134</b>	43,291,298
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>363,176,468</b>	393,724,059	<b>355,977,717</b>	372,170,895



	NOTA	KUMPULAN		MAIS	
		2014	2013	2014	2013
		RM	RM	RM	RM
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Pembiayaan	25	<b>718,576</b>	468,530	-	-
Pinjaman Mudah Dari Kerajaan Negeri	26	<b>1,766,667</b>	2,100,000	-	-
Geran Berkaitan Aset	27	<b>77,001</b>	84,001	-	-
Cukai Tertunda	9	<b>4,376</b>	2,113	-	-
		<b>2,566,620</b>	2,654,644	-	-
<b>ASET BERSIH</b>					
		<b>508,137,419</b>	517,881,340	<b>487,287,146</b>	483,421,474
Dibiayai Oleh					
<b>KUMPULAN WANG MAJLIS</b>					
Lebihan Terkumpul		<b>508,137,419</b>	517,881,340	<b>487,287,146</b>	483,421,474
		<b>508,137,419</b>	517,881,340	<b>487,287,146</b>	483,421,474
<b>PENDAPATAN</b>					
	Nota	KUMPULAN		MAIS	
		2014	2013	2014	2013
		RM	RM	RM	RM
Kumpulan Wang Zakat	28( a )	<b>591,270,538</b>	523,679,644	<b>591,270,538</b>	523,679,644
Kumpulan Wang Baitulmal (Sumber Am)	28( b )	<b>20,934,387</b>	25,586,880	<b>21,612,509</b>	25,991,478
Kumpulan Wang Wakaf	28( c )	<b>8,996,498</b>	6,776,881	<b>8,996,498</b>	6,776,881
		<b>621,201,423</b>	556,043,405	<b>621,879,545</b>	556,448,003
Pendapatan Syarikat Subsidiari	28( d )	<b>87,137,946</b>	85,683,655	-	-
		<b>708,339,369</b>	641,727,060	<b>621,879,545</b>	556,448,003
<b>PERBELANJAAN</b>					
Kumpulan Wang Zakat	28( a )	<b>(595,745,640)</b>	(463,472,826)	<b>(595,745,640)</b>	(463,472,826)
Kumpulan Wang Baitulmal (Sumber Am)	28( b )	<b>(21,084,624)</b>	(19,663,046)	<b>(21,442,498)</b>	(19,978,183)
Kumpulan Wang Wakaf	28( c )	<b>(753,192)</b>	(473,465)	<b>(753,192)</b>	(473,465)
		<b>(617,583,456)</b>	(483,609,337)	<b>(617,941,330)</b>	(483,924,474)
Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari	28( d )	<b>(100,173,083)</b>	(78,352,826)	-	-
		<b>(717,756,539)</b>	(561,962,163)	<b>(617,941,330)</b>	(483,924,474)
		<b>(9,417,170)</b>	79,764,897	<b>3,938,215</b>	72,523,529




Pembahagian Keuntungan/Kerugian Syarikat Bersekutu		<b>(369,025)</b>	(171,076)	-	-
Lebihan/(Kurangan) Sebelum Cukai dan Zakat		<b>(9,786,195)</b>	79,593,821	<b>3,938,215</b>	72,523,529
(-) Cukai	29	<b>(357,927)</b>	(372,775)	-	-
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun Semasa		<b>(10,144,122)</b>	79,221,046	<b>3,938,215</b>	72,523,529


Nota	Kumpulan Wang Majlis RM	Kepentingan Minoriti RM	Jumlah Ekuiti RM
<b>KUMPULAN</b>			
Baki pada 1 Januari 2013	438,660,294	-	438,660,294
Lebihan bersih bagi tahun semasa	79,221,046	-	79,221,046
Pengambilalihan Kepentingan Anak Syarikat		-	-
Baki pada 31 Disember 2013	<u>517,881,340</u>	-	<u>517,881,340</u>
Baki pada 1 Januari 2014	<u>517,881,340</u>	-	<u>517,881,340</u>
Pelarasan tahun lepas	<b>30</b> 400,201	-	400,201
Baki dinyatakan semula	518,281,541	-	518,281,541
Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa	(10,144,122)	-	(10,144,122)
Baki pada 31 Disember 2014	<u>508,137,419</u>	-	<u>508,137,419</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

MAIS	Nota	Lebihan Terkumpul Zakat RM	Lebihan Terkumpul Baitulmal RM	Lebihan Terkumpul Wakaf RM	Kumpulan Wang MAIS RM
Baki Pada 1 Januari 2013		<b>34(a)</b> <b>227,759,418</b>	34(b) 170,514,476	<b>34(c)</b> <b>12,624,051</b>	410,897,945



Lebih/Kurangan Bersih Bagi Tahun Semasa	<b>60,206,818</b>	6,013,295	<b>6,303,416</b>	72,523,529	
Baki Pada 31 Disember 2013	<b>287,966,236</b>	176,527,771	<b>18,927,467</b>	483,421,474	
Baki Pada 1 Januari 2014	<b>287,966,236</b>	176,527,771	<b>18,927,467</b>	483,421,474	
Pelarasan tahun lepas	30 -	(72,543)	-	(72,543)	
Baki dinyatakan semula	<b>287,966,236</b>	176,455,228	<b>18,927,467</b>	483,348,931	
Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa	<b>(4,475,102)</b>	170,011	<b>8,243,306</b>	3,938,215	
Baki Pada 31 Disember 2014	<b>283,491,134</b>	176,625,239	<b>27,170,773</b>	487,287,146	
		KUMPULAN		MAIS	
		2014	2013	2014	2013
	Nota	RM	RM	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>					
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan	<b>(9,786,195)</b>	79,593,821	<b>3,938,215</b>	72,523,529	
Pelarasan					
Pembahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu	<b>369,025</b>	171,077	-	-	
Belanja Susutnilai	<b>3,603,709</b>	3,917,747	<b>2,310,514</b>	2,138,022	
Pelarasan Tahun Lepas	<b>27,457</b>	(381,398)	<b>(72,543)</b>	4,598	
Pendapatan Dividen & Pelaburan	<b>(9,040,014)</b>	(443,996)	<b>(9,040,014)</b>	(443,996)	
Hibah Simpanan di Bank	<b>(352,552)</b>	(7,363,935)	<b>(256,865)</b>	(7,300,089)	
Pendapatan Geran	<b>(11,655,687)</b>	(12,000,000)	-	-	
Peruntukan Hutang Ragu & Hapuskira	<b>211,924</b>	1,501,766	<b>211,924</b>	551,716	
Hapus Kira Aset	<b>3,007</b>	963,789	<b>3,007</b>	903,699	
Pelunasan geran dan Muhibbah	<b>12,623</b>	12,624	-	-	
Keuntungan Pelupusan Aset Tetap	<b>(350,098)</b>	(6,352,341)	<b>(283,544)</b>	(6,333,810)	
Kos Kewangan	<b>69,020</b>	106,336	-	-	
Lebihan Operasi sebelum perubahan modal	<b>(26,887,781)</b>	59,725,490	<b>(3,189,306)</b>	62,043,669	
<b>Perubahan dalam modal kerja</b>					
Inventori	<b>95,854</b>	6,599,901	-	6,135,200	
Penghutang	<b>7,063,155</b>	(6,011,291)	<b>3,078,112</b>	(662,528)	



Pelbagai Penghutang Prabayar Deposit	<b>1,190,457</b>	(5,577,301)	<b>726,341</b>	(964,685)
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	-	(4,356,319)
Pendahuluan Agihan Zakat & Wakaf	<b>2,467,246</b>	12,936,881	<b>2,467,246</b>	12,936,881
Wang Amanah	<b>256,097</b>	(3,497,529)	<b>256,097</b>	(3,497,529)
Wakaf Khas	<b>7,900,748</b>	(697,234)	<b>7,900,748</b>	(697,234)
Istibdal Wakaf	-	14,898	-	14,898
Pemiutang Perniagaan	<b>(3,109,930)</b>	2,767,195	-	-
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	<b>22,510,771</b>	(8,937,092)	<b>(2,853,275)</b>	(3,899,434)
Wang Cagaran, Deposit dan Pendahuluan	<b>(2,051,716)</b>	(696,911)	<b>476,653</b>	(556,842)
<b>Tunai Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>9,434,901</b>	56,627,007	<b>8,862,616</b>	66,496,077
Hibah Simpanan di Bank	<b>352,552</b>	7,363,935	<b>256,865</b>	7,300,089
Kos Kewangan di bayar	<b>(69,020)</b>	(106,336)	-	-
Cukai Dibayar	<b>(323,771)</b>	(1,146,825)	-	-
Zakat Dibayar	<b>(42,454)</b>	11,815	-	-
<b>Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>9,352,208</b>	62,749,596	<b>9,119,481</b>	73,796,166


Nota	KUMPULAN		MAIS	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN

Pembelian Aset Tetap	<b>(17,252,458)</b>	(11,643,960)	<b>(15,388,301)</b>	(9,672,130)
Jualan Aset Tetap	<b>70,179</b>	1,286,893	<b>3,624</b>	222,212
Dividen & Keuntungan Dari Pelaburan	<b>9,040,014</b>	443,996	<b>9,040,014</b>	443,996
Jualan Pelaburan Saham	<b>415,850</b>	565,018	<b>415,850</b>	565,018
Pertambahan dalam Pelaburan Saham	<b>(7,120,000)</b>	-	<b>(7,120,000)</b>	-
Kerja Dalam Kemajuan	<b>(164,344)</b>	-	-	-
<b>Aliran Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(15,010,759)</b>	(9,348,053)	<b>(13,048,813)</b>	(8,440,904)

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN

Pembayaran Pinjaman Mudah Kerajaan Negeri	<b>(333,333)</b>	(266,667)	-	-
Pendapatan Geran Pengurusan	<b>11,655,687</b>	12,000,000	-	-



Tabung Biasiswa Rektor	-	(56,445)	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman	<b>(469,519)</b>	(2,459,917)	<b>(737,387)</b>	(1,401,849)
Tunai Bersih Dihasilkan Untuk Aktiviti Pembiayaan	<b>10,852,835</b>	9,216,971	<b>(737,387)</b>	(1,401,849)
Pertambahan Bersih Tunai dan Setaraan Tunai	<b>5,194,284</b>	62,618,514	<b>(4,666,719)</b>	63,953,413
Tunai dan Setaraan Tunai Awal Tahun	<b>397,440,352</b>	334,821,838	<b>389,414,235</b>	325,460,822
Tunai Dan Setaraan Tunai Akhir Tahun	31 <b>402,634,636</b>	397,440,352	<b>384,747,516</b>	389,414,235

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

#### 1. MAKLUMAT AM


Majlis Agama Islam Selangor adalah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Aktiviti utama Majlis adalah melaksanakan pengurusan kutipan dan pengagihan zakat kepada lapan (8) asnaf iaitu fakir, miskin, muallaf, amil, fisabilillah, al-riqab, al-gharimin dan ibnu sabil melalui Lembaga Zakat Selangor (MAIS). Lembaga Zakat Selangor (MAIS) diperbadankan pada 2 Oktober 2006 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 yang berfungsi sebagai amil bagi pungutan dan agihan zakat di negeri Selangor.

Selain daripada itu, aktiviti Majlis adalah menguruskan sumber Wakaf selaras dengan peruntukan seksyen 32, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No.7, 1999 melalui Perbadanan Wakaf Selangor. Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) diperbadankan pada 11 Januari 2011 di bawah subseksyen 8(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang mana menjadi kewajipan Perbadanan Wakaf Selangor untuk menggalakkan, mendorong, membantu, mengusahakan dan memajukan harta dan produk wakaf milik Majlis selaras dengan hukum Syarak.

Majlis juga berperanan dalam mengembangkan sumber perolehan Baitulmal (Sumber Am) selaras dengan tanggungjawab Majlis untuk meningkatkan serta memajukan taraf sosio-ekonomi masyarakat Islam di Negeri Selangor berdasarkan hukum syarak.

Kegiatan-kegiatan utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan prinsip-prinsip perakaunan diterima pakai umum di Malaysia. Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan asas akrual dan menurut kelaziman kos sejarah, kecuali dinyatakan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting.

Penyata Kewangan Kumpulan menyatukan Penyata Kewangan Majlis dan anak-anak syarikatnya bagi tahun 31 Disember 2014. Urusniaga di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga luaran sahaja kecuali bagi transaksi yang melibatkan Majlis dan anak syarikat berkaitan urusniaga Kumpulan Wang Zakat.

### (b) Anak-anak syarikat dan asas penyatuan

#### i) Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Kumpulan akan mengambil kira kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar semasa menentukan kuasa ke atas syarikat lain.


#### ii) Asas Penyatuan

Penyata Kewangan yang disatukan merangkumi akaun Majlis Agama Islam Selangor dengan akaun beraudit syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan ini. Hasil syarikat subsidiari bagi tahun 2014 telah disatukan ke akaun pendapatan dan perbelanjaan kumpulan.

Akaun syarikat subsidiari disatukan dari tarikh berkuatkuasa pengambilalihan iaitu tarikh di mana kumpulan mempunyai kuasa dan terus disatukan hingga kuasa dilupuskan. Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, baki urusniaga, dan hasil atau rugi laba belum direalisasikan di antara syarikat dihapuskan sepenuhnya. Polisi-polisi perakaunan seragam diterimapakai di dalam penyata kewangan disatukan bagi urusniaga dan peristiwa yang sama.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diakaunkan dengan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset-aset diambilalih dan liabiliti-liabiliti, dan liabiliti luarjangka pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai agregat nilai saksama pada tarikh pertukaran aset-aset diberikan, liabiliti-liabiliti berlaku atau dijangka dan instrumen ekuiti diterbitkan, ditambah kos-kos lain yang secara langsung disebabkan pengambilalihan.

Sebarang lebihan kos pengambilalihan dengan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka dengan kos pengambilalihan diiktiraf sebagai muhibah atau negatif muhibah.



Kepentingan minoriti merupakan bahagian keuntungan atau kerugian dan aset-aset bersih dalam syarikat subsidiari yang tidak dipegang oleh kumpulan. Ianya dinilai saksama atas aset-aset dan liabiliti-liabiliti bahagian minoriti yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan dan atas perubahan.

#### (c) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting yang mana bukan merupakan subsidiari ataupun kepentingan dalam perjanjian usahasama. Pengaruh penting merupakan kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat tersebut tetapi bukan kuasa atau kuasa bersama ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam Lembaran Iimbangan disatukan pada kos yang diselaraskan kepada perubahan selepas pengambilalihan untuk bahagian Kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu tersebut.


Dengan kaedah ekuiti, laba atau kerugian belum direalisasi dalam urusniaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutu telah dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Seterusnya Kumpulan akan menentukan peruntukan rosotnilai tambahan yang sewajarnya berdasarkan pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Syarikat bersekutu diambilkira sebagai ekuiti dari tarikh Kumpulan memperolehi pengaruh penting sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu tersebut.

Apabila bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu adalah sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu tersebut, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang, pada dasarnya, membentuk pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian tambahan melainkan ia telah menanggung kewajipan atau melakukan pembayaran untuk pihak syarikat bersekutu tersebut.

Pada pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### (d) Muhibah

Muhibah diperolehi dalam kombinasi perniagaan pada mulanya dinilai pada kos yang merupakan lebihan kos kombinasi perniagaan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti. Selepas dikenalpasti, muhibah dinilai pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan tetapi dikaji semula bagi rosotnilai secara tahunan atau lebih kerap sekiranya berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang boleh menyebabkan nilai dibawa dirosotnilai. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan syarikat adalah termasuk nilai muhibah dibawa berkenaan syarikat yang dijual.



(e) Harta-harta pemilikan.

i. Harta-harta pemilikan.

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan melalui perbezaan di antara anggaran hasil jualan bersih dan nilai aset yang dibawa dan diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

Hartanah yang diberimilikan kepada Majlis secara serahan tanpa melibatkan kos adalah dinyatakan di dalam akaun pada nilai RM 1

ii. Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos hartanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya seperti berikut :-

Bangunan	2%
Kenderaan	20% - 25%
Komputer	20% - 33.5%
Mesin-mesin dan Peralatan Klinik	10% - 20%
Peralatan, Perabot dan Kelengkapan Pejabat	10% - 20%
Peralatan Sukan, KoKurikulum dan Makmal	10% - 20%
Pengubahsuaian Tanah	10% Mengikut Tempoh Pajakan

(f) Kerja Dalam Kemajuan

Perbelanjaan bersabit dengan pembangunan projek, bangunan dan pelbagai perbelanjaan yang secara langsung berkait dengannya dipermodalkan sebagai harta tetap setelah selesai kerja-kerja menyiapkan projek.


(g) Pelaburan

i. Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos tolak jumlah peruntukan atau dihapuskan bagi sebarang pengurangan tetap dalam nilai atau pada penilaian oleh para pengarah dengan mengambilkira nilai-nilai ketara bersih.

ii. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan Majlis dalam syarikat subsidiari telah dikontrakan dalam akaun disatukan manakala di peringkat akaun Majlis, pelaburan dalam syarikat subsidiari dicatitkan pada harga kos yang dilaburkan oleh Majlis



### iii. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah ditunjukkan pada kos campur keuntungan/kerugian syarikat bersekutu yang dilaburkan.

### iv. Lain-lain Pelaburan

Pelaburan-pelaburan jangka panjang lain dinyatakan pada kos tolak jumlah yang diperuntukkan bagi pengurangan tetap dalam nilai, jika ada.

## (h) Inventori

Inventori dinilai mengikut nilai yang lebih rendah antara kos (menggunakan kaedah kos purata berwajaran) dan nilai terealisasi bersih.

## (i) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran atas hutang ragu telah dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dilupuskan pada tempoh dikenalpasti.

## (j) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

## (k) Sewa Beli dan Pajakan


Aset di bawah sewa beli dan pajakan yang pada asasnya memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berhubung dengan pemilikan aset Kumpulan dan Majlis (pajakan kewangan) adalah dipermodalkan di bawah Hartanah Loji dan Peralatan dan obligasi yang sepadan diperlakukan sebagai liabiliti.

Aset dan liabiliti pajakan berkaitan dicatat pada nilai muka aset pajakan (yang berasaskan anggaran nilai semasa bayaran pajakan minimum dari permulaan tempoh pajakan). Perbelanjaan kewangan bagi sewa pajak diambilkira dalam penyata kewangan sepanjang tempoh pajakan. Pajakan yang tidak memenuhi kriteria berkenaan dianggap sebagai pajakan operasi dan bayaran pajakan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan semasa dijelaskan.

## (l) Polisi Geran

### i. Geran Berkaitan Pendapatan

Geran Berkaitan Pendapatan terbit bila mana Majlis memberi anugerah bantuan geran sebagai balasan kepada pematuhan syarat oleh syarikat subsidiari dalam aktiviti operasi. Geran berkaitan pendapatan adalah diakaunkan terus ke penyata pendapatan apabila ianya diberi.



## ii. Geran berkaitan aset

Geran berkaitan aset terbit bila mana Majlis atau Kerajaan Negeri memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan syarikat subsidiari memperolehi, memiliki atau membina sesuatu aset jangka panjang. Geran tersebut kemudiannya dilunaskan ke penyata pendapatan mengikut tempoh yang dikenalpasti.

## (m) Hasil Sumber Zakat

Hasil zakat adalah terdiri daripada kutipan zakat dan fitrah pada setiap umat Islam di negeri Selangor seperti mana kuasa yang telah diberikan kepada Majlis melalui seksyen 86, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, termasuk di dalam hasil zakat ialah apa-apa terimaan yang terbit daripada sumber asal zakat (kutipan zakat dan fitrah). Hasil yang diterima daripada sumber zakat akan menjadi milik Kumpulan Wang Zakat dan hanya akan dibelanjakan mengikut hukum syarak.

## (n) Hasil Sumber Wakaf

Hasil wakaf adalah terdiri daripada sumber wakaf am, wakaf khas dan Saham Wakaf dan jika diterima digunakan berdasarkan, Bahagian VIII Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999. Hasil yang diterima daripada sumber wakaf akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut peruntukan seksyen 39, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No.7, 1999.

## (o) Perletakan Hak Tanah Wakaf

Majlis adalah pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak dalam Negeri Selangor berdasarkan peruntukan seksyen 32, bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999.

## (p) Kumpulan Wang Wakaf

Bermula 1 Jun 2014, MAIS telah memindahkan kesemua Kumpulan Wang Wakaf kepada Perbadanan Wakaf Selangor untuk diuruskan. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor bilangan 1/2014 dan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS yang telah bersidang pada 6 Mei 2014.

## (q) Pendapatan

### i. Kutipan Zakat


Kutipan Zakat diiktiraf menggunakan asas tunai.

### ii. Kutipan Saham Wakaf Am

Kutipan Saham Wakaf Am diiktiraf menggunakan asas tunai.

### iii. Pendapatan Sewaan

Pendapatan sewaan diiktiraf menggunakan asas akruan.



iv. Pendapatan Daripada Jualan Dan Perkhidmatan

Pendapatan daripada jualan dan perkhidmatan yang diberikan diiktiraf bersih apabila jualan dan perkhidmatan tersebut berlaku/dilaksanakan.

v. Kontrak Pembinaan

Pendapatan daripada kontrak pembinaan diambil kira berdasarkan tuntutan bayaran kemajuan dalam tahun semasa.

(r) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang di jangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh di cukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh Lembaran Imbangan.


Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Mengikut prinsip, cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai untuk digunakan atas perbezaan sementara yang boleh dipotong, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam sesuatu transaksi yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak mengakibatkan perubahan kepada keuntungan perakaunan dan juga keuntungan bercukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tahun apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan pada tarikh Lembaran Imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan termasuk dalam untung atau rugi bagi tempoh kecuali jika ia timbul dari urusanniaga yang diiktiraf secara langsung di ekuiti, di mana cukai tertunda itu juga dikenakan atau dikreditkan secara langsung di ekuiti, atau jika ia timbul dari kombinasi perniagaan secara pengambilalihan, cukai tertunda itu di masukkan ke dalam muhibah atau sebarang kelebihan kepentingan sipengambil dalam nilai saksama aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka kumpulan dan Syarikat yang diambilalih yang dikenalpasti ke atas kos pengambilalihan.

(s) Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan kumpulan dan Majlis. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.



## ii. Pelan Caruman Wajib

Pihak majikan perlu menyediakan pelan caruman wajib sebagai ganjaran selepas perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebagaimana ia ditanggung.

## (t) Tunai dan Setaraan Tunai

Tunai dan setaraan tunai mengandungi tunai dalam tangan dan di bank, wang dalam perjalanan, wang wakaf khas dan pelaburan Al-Mudharabah jangka pendek dengan bank berlesen.

## (u) Liabiliti Luar Jangka

Suatu liabiliti luarjangka perlu dibentangkan, kecuali kemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi adalah tipis kecuali bagi kes-kes di mana jumlah yang terlibat adalah material dan para pengarah berpendapat bahawa pendedahan adalah perlu.

## 3. DASAR PENGURUSAN RISIKO

Objektif pengurusan risiko kewangan secara keseluruhannya adalah untuk memastikan Majlis menambah nilai dana Kumpulan Wang. Pengurusan risiko kewangan dilakukan dengan memberikan penekanan ke atas sistem kawalan dalaman Majlis dan juga dengan melakukan analisis ke atas risiko-risiko oleh pihak pengurusan.

Di antara risiko-risiko yang dikenalpasti adalah ;


### (a) Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko pelaburan yang tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau keuntungan, yang telah cukup tempohnya disebabkan oleh kemungkinan oleh penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Majlis. Satu rangka kerja risiko kredit untuk mengawasi pelaburan dan tahap dedahan kredit yang dibenarkan oleh Majlis telah disediakan. Ini memastikan pelaburan yang dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang tinggi dan kebarangkalian mengalami kerugian dapat diminimalkan.

Rangka kerja yang diluluskan oleh Majlis ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang tersirat dalam harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Ini menambah baik rangka kerja kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

### (b) Risiko Pasaran

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan oleh Majlis terhadap pergerakan dalam harga pasaran seperti kadar pertukaran asing, kadar faedah/ keuntungan dan harga ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau pada asas yang telah ditetapkan dan semua pelaburan serta instrumen akan dinilai mengikut pasaran. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Majlis mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza selagi dalam lingkungan/ julat yang dibenarkan dan menepati dasar pelaburan kewangan yang telah diluluskan oleh Majlis.



Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Majlis. Analisis kepekaan dan ujian ketahanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai

Risiko pasaran merujuk kepada risiko kemerosotan pasaran saham yang akan mengakibatkan penurunan di dalam nilai unit saham pegangan pengurus. Bagi menangani risiko pasaran ini, pengurusan telah mempelbagaikan pelaburan kepada saham-saham amanah dan deposit tetap.

#### (c) Risiko Kecairan

Risiko kecairan ditafsirkan sebagai kesan negatif kepada keadaan kewangan Majlis dan kukuhannya yang boleh timbul daripada ketidakupayaan (atau persepsi ketidakupayaan) untuk memenuhi tanggungannya.

Dalam pengurusan kecairan harian, operasi perbendaharaan akan memastikan pembiayaan yang mencukupi untuk memenuhi pembayaran harian dan penyelesaian tanggungan tepat pada masanya.

Majlis mengawal risiko kecairannya dengan mengekalkan sebahagian pelaburan dalam aset kewangan yang cair dalam bentuk deposit dengan institusi kewangan yang membolehkannya memenuhi komitmen kewangan jangka masa pendek.

#### (d) Risiko Operasi

Risiko Operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi Majlis supaya tindakan boleh diambil bagi mengurus jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

#### (e) Risiko Tidak Patuh Syariah


Risiko Tidak Patuh Syariah ialah risiko yang berpunca daripada kegagalan Majlis untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau mana-mana panel 7Syariah yang diluluskan oleh Majlis.

#### (f) Risiko Pengklasifikasian Semula Status Syariah

Risiko Pengklasifikasian Semula Status Syariah adalah risiko di mana status pegangan sekuriti-sekuriti patuh Syariah yang dimiliki di dalam portfolio pelaburan Syariah mungkin bertukar status kepada tidak patuh Syariah apabila di nilai semula oleh Penasihat Syariah.

Sekiranya perubahan status ini berlaku, nilai pelaburan mungkin akan menyusut apabila Pengurus Dana mengambil langkah untuk melupuskan sekuriti-sekuriti yang terlibat sepertimana dinasihati oleh Penasihat Syariah.





MAIS

	Tanah	Bangunan	Peralatan Pejabat	Perabot dan Lengkapan	Alat Bekalan Lain	Komputer	Kenderaan	Ubahsuai Bangunan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2014	26,940,118	72,001,935	197,790	278,431	11,656	1,846,306	984,566	12,374,473	114,635,275
Tambahan	148	-	40,426	3,305	-	2,386,537	143,527	12,814,358	15,388,301
Pelupusan/Pelarasan	66,525	(66,657)	(3,339)	(5,328)	-	(55,574)	-	-	(94,433)
<b>Pada 31 Disember 2014</b>	<b>27,006,791</b>	<b>71,935,278</b>	<b>204,817</b>	<b>276,408</b>	<b>11,656</b>	<b>4,177,269</b>	<b>1,128,093</b>	<b>25,188,831</b>	<b>129,929,143</b>

**SUSUT NILAI TERKUMPUL**


Pada 1 Januari 2014	1,796,062	14,858,122	125,386	129,567	11,656	642,711	760,777	407,943	18,732,224
Tambahan	148,640	1,439,927	30,601	42,324	-	450,056	99,171	99,795	2,310,514
Pelupusan/Pelarasan	11,887	(11,887)	(33,399)	(2,453)	-	(55,574)	-	-	(91,426)
<b>Pada 31 Disember 2014</b>	<b>1,956,589</b>	<b>16,286,162</b>	<b>122,588</b>	<b>169,438</b>	<b>11,656</b>	<b>1,037,193</b>	<b>859,948</b>	<b>507,738</b>	<b>20,951,312</b>

**NILAI BUKU BERSIH**

Pada 31 Disember 2014	<b>25,050,202</b>	<b>55,649,116</b>	<b>82,229</b>	<b>106,970</b>	<b>-</b>	<b>3,140,076</b>	<b>268,145</b>	<b>24,681,093</b>	<b>108,977,831</b>
Pada 31 Disember 2013	<b>25,144,056</b>	<b>57,143,813</b>	<b>72,404</b>	<b>148,864</b>	<b>-</b>	<b>1,203,595</b>	<b>223,789</b>	<b>11,966,530</b>	<b>95,903,051</b>

Nota\*

- i. Jumlah Hartanah Loji dan Peralatan adalah diwakili oleh seperti berikut ;
  - a) Kumpulan Wang Baitulmal RM 103,945,971
  - b) Kumpulan Wang Wakaf RM 5,031,860
- ii. Termasuk di dalam senarai hartanah adalah tanah/bangunan didalam proses mendapatkan hakmilik
- iii. Termasuk di dalam senarai hartanah adalah bangunan yang dilaksanakan diatas tanah warta.
- iv. Hartanah yang diperolehi secara serahan tanpa melibatkan kos akan dinyatakan pada nilai RM 1



## 5. KERJA DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Baki pada awal tahun	-	667,770	-	667,770
(-) Pindahan pada tahun semasa	-	(667,770)	-	(667,770)
(+) Pertambahan tahun semasa	<b>164,344</b>	-	-	-
Baki pada akhir tahun	<b>164,344</b>	-	-	-


Kerja Dalam Kemajuan merupakan perbelanjaan modal Majlis dalam projek-projek pembangunan dan pembelian hartanah untuk menambahkan pemilikan harta Majlis .

## 6. PELABURAN

Pelaburan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah di dalam saham yang selaras dengan Hukum Syarak.

Pelaburan Majlis adalah seperti berikut :-

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2014 RM	2013 RM
<b>Pada Kos:</b>		
Saham Tersiar Harga	<b>14,175,663</b>	7,191,593
Peruntukan Rosot nilai pelaburan	<b>14,175,663</b>	7,191,593
	-	-
	<b>14,175,663</b>	7,191,593
<b>Nilai pasaran pada 31 Disember</b>		
Saham Tersiar Harga	<b>27,498,701</b>	23,714,636



## 7. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Kos Pelaburan		
MAIS Corporation Sdn. Bhd.	<b>6,885,428</b>	6,885,428
MAIS Zakat Sdn. Bhd.	<b>770,507</b>	770,507
Kolej Universiti Islam Selangor Sdn. Bhd. (KUIS)	<b>500,000</b>	500,000
	<b>8,155,935</b>	8,155,935


Senarai kepentingan Majlis dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Pegangan Ekuiti		Aktiviti utama
	2014	2013	
i) MAIS Corporation Sdn Bhd <i>dan syarikat subsidiarinya</i>	<b>100%</b>	100%	Pelaburan dan pengurusan entiti
- MAIS Construction & Properties Sdn Bhd	<b>100%</b>	100%	Kontraktor dan pengurusan projek dan harta
- MAIS Trading & Services Sdn Bhd	<b>100%</b>	100%	Perdagangan dan perkhidmatan
- MAIS Information Communication and Technologies (ICT) Sdn Bhd	<b>100%</b>	100%	Kontraktor teknologi maklumat dan telekomunikasi jalur lebar
- MAIS Project Management Sdn Bhd *	<b>100%</b>	100%	Pengurusan dan pembangunan hartanah
- MAIS Integrated Services Sdn Bhd ** <i>dan syarikat subsidiarinya</i>	<b>100%</b>	100%	Menyelenggara dan pembersihan
- MAIS Dialisis Sdn Bhd	<b>100%</b>	100%	Perkhidmatan kesihatan
ii). MAIS Zakat Sdn. Bhd.	<b>100%</b>	100%	Pengurusan Projek Komersial Asnaf
iii). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd <i>dan syarikat subsidiarinya</i>	<b>100%</b>	100%	Institusi pengajian tinggi
- Kuiscell Sdn Bhd	<b>100%</b>	100%	Perkhidmatan latihan

Nota :

\*Dahulu dikenali sebagai MAIS Development Sdn Bhd.

\*\*Dahulu dikenali sebagai MAIS Health Care Sdn Bhd. Pada tahun semasa, MAIS Integrated Services telah menukar kegiatan utama dari memberi perkhidmatan kesihatan kepada menyelenggara dan pembersihan kawasan serta penyedia kawasan letak kenderaan.



## 8. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN	
	2014 RM	2013 RM
Saham pada kos	<b>4,290,958</b>	4,290,958
Bahagian keuntungan/(kerugian)	<b>(674,475)</b>	(305,450)
	<b>3,616,483</b>	3,985,508

Butir syarikat bersekutu Majlis adalah seperti berikut:-

*Pegangan Secara Tidak Langsung*

Nama Syarikat	Pegangan Ekuiti		Aktiviti utama
	2014	2013	
i) MAIS NGV Gas (M) Sdn Bhd	<b>49%</b>	49%	<b>Perdagangan berasaskan gas</b>
ii) Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd.	<b>48%</b>	48%	<b>Perkhidmatan Kesihatan</b>


Pegangan saham ekuiti syarikat MAIS NGV Gas (M) Sdn.Bhd oleh Kumpulan adalah melalui syarikat MAIS Information Communication & Technology (ICT) Sdn.Bhd.(Dahulu dikenali sebagai MAIS Energy Sdn Bhd.) Walau bagaimanapun, akaun ini tidak disatukan bersama akaun MAIS Information Communication & Technology (ICT) Sdn.Bhd. bagi mematuhi peruntukan piawaian perakaunan PERS 12 iaitu Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu kerana penyata kewangan syarikat bersekutu ini masih belum diaudit

Pegangan saham ekuiti Hospital Pusrawi SMC Sdn.Bhd oleh Kumpulan adalah melalui syarikat MAIS Integrated Services Sdn Bhd. (Dahulu dikenali sebagai MAIS Health Care Services Sdn Bhd.

## 9. CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN	
	2014 RM	2013 RM
Pada awal tahun	<b>(230,547)</b>	(142,626)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan :	-	-
- Hartanah, loji dan peralatan	<b>64,948</b>	(87,921)
Pelarasan tahun lalu	-	-
Pada akhir tahun	<b>(165,599)</b>	(230,547)

Terdiri daripada :



Aset cukai tertunda		<b>(169,975)</b>	(232,660)
Liabiliti cukai tertunda		<b>4,376</b>	2,113
		<b>(165,599)</b>	(230,547)

## 10. INVENTORI


	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Buku-Buku	<b>261,268</b>	261,268	-	-
Barang-barang Runcit (Makanan)	<b>35,448</b>	131,302	-	-
	<b>296,716</b>	39,570	-	-

## 11. PENGHUTANG

	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Penghutang Perniagaan	<b>45,952,575</b>	53,004,843	<b>6,325,154</b>	9,395,282
Sewa Premis	<b>2,322,518</b>	2,092,721	<b>2,325,511</b>	2,092,721
Tanah Pesaka	<b>999,282</b>	1,271,882	<b>999,282</b>	1,271,882
Pendahuluan Projek	<b>2,006,171</b>	2,006,171	<b>2,006,171</b>	2,006,171
Pinjaman Kakitangan	<b>306,995</b>	285,819	<b>306,995</b>	285,819
	<b>51,587,541</b>	58,661,436	<b>11,963,113</b>	15,051,875
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	<b>(5,180,654)</b>	(5,029,470)	<b>(3,304,194)</b>	(3,152,920)
	<b>46,406,887</b>	53,631,966	<b>8,658,919</b>	11,898,955

## 12. PELBAGAI PENGHUTANG, PENDAHULUAN DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Penghutang dan Prabayar	<b>8,331,522</b>	8,512,909	<b>861,745</b>	300,185
Pelbagai Deposit dan Pendahuluan	<b>903,276</b>	1,961,445	<b>214,611</b>	1,552,511
Perbelanjaan Tertahan	-	900	-	-
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	<b>(209,543)</b>	(209,542)	<b>(209,543)</b>	(209,542)
	<b>9,025,255</b>	10,265,712	<b>866,813</b>	1,643,154



## 13. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd.	<b>9,268,304</b>	9,268,304
	<b>9,268,304</b>	9,268,304

Pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah tidak bercagar.

## 14. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2014 RM	2013 RM
MAIS NGV Gas (M) Sdn Bhd	<b>48,236</b>	48,236

Pendahuluan kepada syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tiada margin keuntungan dan tiada syarat pembayaran balik yang ditetapkan.


## 15. PENDAHULUAN AGIHAN ZAKAT &amp; WAKAF

Peruntukan pendahuluan agihan zakat merupakan baki akaun agihan zakat (pendahuluan yang diberikan oleh pihak Majlis) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan MAIS Zakat Sdn Bhd bagi tujuan agihan kepada asnaf termasuk agihan yang telah diperuntukan tetapi belum dijelaskan (Pemiutang).

Peruntukan pendahuluan Wakaf merupakan baki akaun Agihan Wakaf yang diuruskan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) termasuk agihan yang telah diperuntukkan tetapi belum dijelaskan (Pemiutang)

	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Pendahuluan kepada LZS	<b>884,242</b>	1,200,684
Pendahuluan kepada MZSB	<b>(113,943)</b>	1,744,385
Pendahuluan kepada PWS *	-	292,476
	<b>770,299</b>	3,237,545

\* Bermula 1 Jun 2014, Kumpulan Wang Wakaf diuruskan sepenuhnya oleh PWS



## 16. WANG WAKAF

Wang Wakaf adalah akaun yang didaftarkan dan diuruskan sepenuhnya oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi melaksanakan urusan terimaan dan pembayaran bagi Kumpulan Wang Wakaf. Wang Wakaf diwakili oleh ;

	MAIS	
	2014	2013
	RM	RM
Tunai Di bank *	<b>10,667,723</b>	9,848,955
Tunai Di Tangan *	<b>6,000</b>	-
Pelaburan Mudharabah *	<b>43,450,000</b>	13,130,000
	<b>54,123,723</b>	22,978,955

\* Bermula 1 Jun 2014, Kumpulan Wang Wakaf diuruskan sepenuhnya oleh PWS

## 17. WANG DALAM PERJALANAN


Wang Dalam Perjalanan adalah wang kutipan zakat dan hasil wakaf yang dikutip oleh pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang belum dipindahkan ke dalam Akaun Induk MAIS.

	MAIS	
	2014	2013
	RM	RM
Kutipan Zakat oleh LZS	<b>47,482,156</b>	53,085,301
Kutipan Hasil Wakaf oleh PWS *	-	2,253,714
	<b>47,482,156</b>	55,339,014

\* Bermula 1 Jun 2014, Kumpulan Wang Wakaf diuruskan sepenuhnya oleh PWS

## 18. PELABURAN MUDHARABAH

	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Pelaburan Mudharabah jangka pendek Di Institusi Kewangan Berlesen :-				
Kumpulan Wang Zakat	<b>86,337,047</b>	167,745,058	<b>86,337,047</b>	167,745,058
Kumpulan Wang Baitulmal	<b>60,469</b>	50,058,937	<b>60,469</b>	50,058,937
Kumpulan Wang Wakaf *	-	11,250,000	-	11,250,000
Kumpulan Wang Amanah	<b>70,000</b>	70,000	<b>70,000</b>	70,000
Pelaburan oleh Syarikat Subsidiari	<b>10,702,598</b>	4,267,281	-	-
	<b>97,170,114</b>	233,391,276	<b>86,467,516</b>	229,123,995



## Nota :

Pelaburan Mudharabah Majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun pelaburan jangka pendek di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak. Kadar keuntungan pelaburan di antara 2.5% - 4.22% (2013: 2.95% - 3.5% )

\* Bermula 1 Jun 2014, Kumpulan Wang Wakaf diuruskan sepenuhnya oleh PWS

## 19. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

Tunai di tangan dan di bank bagi Majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun semasa di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.

	KUMPULAN	
	2014 RM	2013 RM
Majlis Agama Islam Selangor	<b>196,674,121</b>	81,972,271
Syarikat Subsidiari	<b>7,184,522</b>	3,758,836
	<b>203,858,643</b>	85,731,107

Tunai di tangan dan di bank Majlis adalah baki akaun-akaun semasa Majlis, seperti berikut ;


	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Akaun Zakat	<b>158,177,010</b>	76,126,733
Akaun Baitulmal	<b>37,618,808</b>	4,363,401
Akaun Wakaf *	-	851,095
Akaun Amanah	<b>870,303</b>	618,042
Tunai di Tangan	<b>8,000</b>	13,000
	<b>196,674,121</b>	81,972,271

\* Bermula 1 Jun 2014, Kumpulan Wang Wakaf diuruskan sepenuhnya oleh PWS

## 20. WANG AMANAH

Wang Amanah adalah Amanah yang diwujudkan melalui Bahagian VI, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Amanah Harta Pusaka	<b>225,412</b>	44,342
Emolumen Guru Bahasa Arab	<b>2,154</b>	132,658
Tabung Sumbangan Anak Yatim	<b>103,968</b>	172,319
Tabung Amanah Ar-Riqab	<b>274,832</b>	1,003



Tabung Amanah Al-Quran Braille	<b>2,000</b>	-
Wang Derma Hj Zainal Abidin Omar & Asiha Mohd	<b>70,000</b>	71,947
	<b>678,366</b>	422,269

## 21. WAKAF KHAS

Wakaf Khas merupakan sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak seperti yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No:7, 1999

### i. SAHAM WAKAF KHAS

Kutipan Saham Wakaf Khas merupakan kutipan yang dibuat dengan maksud tujuannya yang tertentu. Kutipan ini dibuat berdasarkan permohonan daripada pihak luar kepada pihak MAIS .

### ii. MANFAAT WAKAF KHAS


Merupakan terimaan hasil yang diperolehi daripada harta wakaf di mana kegunaannya telah ditetapkan berdasarkan niat oleh pewakaf tersebut.

	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Baki Wakaf Khas terdiri daripada :		
i. Saham Wakaf Khas	<b>28,468,863</b>	20,434,020
ii. Manfaat Wakaf Khas	<b>233,190</b>	367,285
	<b>28,702,053</b>	20,801,305

## 22. ISTIBDAL WAKAF

Istibdal adalah menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya samada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain yang menurut hukum syarak seperti mana yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No:7,1999.

	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Tanah di Mukim Setapak, Gombak	<b>350,440</b>	350,440
Tanah di Telok Gadong, Klang	<b>1,366,460</b>	1,366,460
Tanah di Hulu Klang	<b>18,017</b>	18,017
	<b>1,734,917</b>	1,734,917



## 23. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Pelbagai Pemiutang	<b>10,874,619</b>	9,311,921	<b>5,839,908</b>	6,615,477
Pemiutang Tajaan	-	-	-	-
Perbelanjaan Akruan	<b>35,112,446</b>	13,713,603	<b>8,921,738</b>	10,999,444
Pendapatan Tertunda	<b>9,506,007</b>	9,956,697	-	-
	<b>55,493,072</b>	32,982,221	<b>14,761,646</b>	17,614,921


## 24. WANG CAGARAN, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Prabayar, Deposit Sewa Premis Dan Utiliti	<b>1,992,991</b>	1,863,743	<b>1,992,991</b>	1,863,743
Deposit Jualan Tanah & Premis	<b>279,500</b>	3,500	<b>279,500</b>	3,500
Cagaran Tender/Jaminan	<b>184,661</b>	113,256	<b>184,661</b>	113,256
Lain-lain Deposit & Pendahuluan	<b>544,089</b>	3,072,458	-	-
	<b>3,001,241</b>	5,052,957	<b>2,457,152</b>	1,980,499

## 25. PEMBIAYAAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Pembiayaan Jangka Pendek				
Al-Bai Bithaman Ajil (Nota i)	-	737,387	-	737,387
Sewa Beli (Nota ii)	<b>300,800</b>	283,463	-	-
Lain-lain Pembiayaan	<b>9,807</b>	9,322	-	-
	<b>310,607</b>	1,030,172	-	737,387
Pembiayaan Jangka Panjang				
Al-Bai Bithaman Ajil (Nota i)	-	-	-	-
Sewa Beli (Nota ii)	<b>469,973</b>	209,959	-	-
Lain-lain Pembiayaan	<b>248,603</b>	258,571	-	-
	<b>718,576</b>	468,530	-	-

## i. PEMBIAYAAN AL-BAI BITHAMAN AJIL



	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Jumlah terhutang:	-	752,080
-Dalam masa 1 tahun	-	-
- Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun	-	752,080
Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh	-	33,957,712
	-	34,709,792
Bahagian yang perlu dibayar:		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun	-	737,387
Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun	-	-
	-	737,387
Kadar caj pembiayaan adalah pada 6.8%		


## ii. PEMBIAYAAN SEWA BELI

	KUMPULAN	
	2014 RM	2013 RM
Jumlah terhutang:		
Pemiutang pajakan	<b>908,618</b>	589,776
Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh	<b>(137,845)</b>	(96,354)
	<b>770,773</b>	493,422
Bahagian yang perlu dibayar:		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun	<b>300,800</b>	283,463
Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun	<b>469,973</b>	209,959
	<b>770,773</b>	493,422

## 26. PINJAMAN MUDAH DARI KERAJAAN NEGERI

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM4,000,000 yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang margin keuntungan. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun 2009.

	KUMPULAN	
	2014 RM	2013 RM
Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri	<b>1,766,667</b>	2,100,000




## 27. GERAN BERKAITAN ASET

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Januari	<b>84,001</b>	91,000
Pelarasan Tahun Lepas oleh Syarikat Subsidiari	-	-
Pelunasan - dipindah pada penyata pendapatan	<b>(7,000)</b>	(6,999)
Baki pada 31 Disember	<b>77,001</b>	84,001

## 28. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

## (a) Kumpulan Wang Zakat


KUTIPAN	KUMPULAN DAN MAIS	
	2014 RM	2013 RM
Zakat Fitrah	<b>20,564,439</b>	19,541,361
Zakat Tanaman	<b>2,703,196</b>	2,877,304
Zakat Perniagaan	<b>108,015,979</b>	92,713,771
Zakat Harta	<b>44,273,298</b>	39,155,226
Zakat Emas	<b>2,433,929</b>	2,358,429
Zakat Ternakan	<b>30,941</b>	19,442
Zakat Perak	<b>135,337</b>	55,565
Zakat Saham	<b>10,785,562</b>	9,714,550
Zakat Simpanan	<b>34,056,383</b>	33,957,712
Zakat KWSP	<b>9,112,087</b>	7,927,337
Zakat Pendapatan	<b>350,144,739</b>	308,984,578
	<b>582,255,890</b>	517,305,275
LAIN-LAIN PENDAPATAN		
Dividen dan Keuntungan dari Pelaburan	<b>6,224,113</b>	5,303,609
Pelbagai Pendapatan	<b>2,790,535</b>	1,070,760
	<b>9,014,648</b>	6,374,369
	<b>591,270,538</b>	523,679,644
AGIHAN		
Fakir	<b>73,858,225</b>	53,447,469
Miskin	<b>161,400,790</b>	121,654,756
Amil	<b>72,781,986</b>	64,663,159
Muallaf	<b>52,632,083</b>	38,754,712
Fisabilillah	<b>155,935,155</b>	123,722,002



Ibnu Sabil	<b>800,343</b>	1,872,537
Gharim	<b>55,425,409</b>	46,138,174
Riqab	<b>22,911,649</b>	13,220,017
	<b>595,745,640</b>	463,472,826
LEBIHAN/(KURANGAN)	<b>(4,475,102)</b>	60,206,818

## (b) Kumpulan Wang Baitulmal (Sumber Am)

	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
PENDAPATAN	RM	RM	RM	RM
Hasil Sumber Am				
Sewaan dan Pajakan	<b>5,967,016</b>	5,906,718	<b>6,375,544</b>	6,311,316
Sumbangan & Pemberian	<b>2,243,384</b>	1,896,682	<b>2,243,384</b>	1,896,682
Hasil Projek Usahasama	-	-	-	-
Dividen dan Keuntungan dari Pelaburan	<b>2,075,796</b>	2,118,939	<b>2,345,390</b>	2,118,939
Hasil Agama				
Pendapatan Faraid	<b>1,854,322</b>	1,937,747	<b>1,854,322</b>	1,937,747
Wasiat	<b>8,400</b>	7,900	<b>8,400</b>	7,900
Hibah	<b>14,827</b>	11,356	<b>14,827</b>	11,356
Harta Diserah	<b>880,107</b>	1,030,631	<b>880,107</b>	1,030,631
Sijil Halal	<b>371,700</b>	294,700	<b>371,700</b>	294,700
Denda Mahkamah & Pentadbiran Agama	<b>7,084,878</b>	4,903,074	<b>7,084,878</b>	4,903,074
	<b>20,500,430</b>	18,107,747	<b>21,178,552</b>	18,512,345
LAIN-LAIN PENDAPATAN				
Keuntungan dari Jualan Harta Tetap	<b>283,544</b>	6,619,724	<b>283,544</b>	6,619,724
Pelbagai Pendapatan	<b>150,413</b>	859,409	<b>150,413</b>	859,409
	<b>433,957</b>	7,479,133	<b>433,957</b>	7,479,133
	<b>20,934,387</b>	25,586,880	<b>21,612,509</b>	25,991,478
PERBELANJAAN				
Emolumen	<b>8,980,351</b>	8,796,534	<b>8,980,351</b>	8,796,534
Bekalan & Perkhidmatan	<b>1,095,523</b>	984,171	<b>1,095,523</b>	984,171
Bekalan Bahan & Lain-lain	<b>541,603</b>	321,611	<b>541,603</b>	321,611




Penyelenggaraan dan Pembaikan	<b>941,206</b>	589,302	<b>1,299,080</b>	847,736
Perkhidmatan Ikhtisas & Honorarium	<b>2,160,486</b>	2,100,643	<b>2,160,486</b>	2,100,643
Sumbangan, Pemberian & Bayaran Tetap	<b>4,708,292</b>	3,270,176	<b>4,708,292</b>	3,270,176
Perbelanjaan Lain	<b>288,540</b>	151,926	<b>288,540</b>	151,926
Kenaan dan Caj Perkhidmatan	<b>18,227</b>	106,001	<b>18,227</b>	106,001
Susutnilai Aset Tetap	<b>2,180,422</b>	1,953,142	<b>2,180,422</b>	2,009,845
Hutang Ragu, Rosot nilai & Hapus Kira	<b>169,974</b>	1,389,540	<b>169,974</b>	1,389,540
	<b>21,084,624</b>	19,663,046	<b>21,442,498</b>	19,978,183
LEBIHAN/(KURANGAN)	<b>(150,238)</b>	5,923,834	<b>170,011</b>	6,013,295

(c) Kumpulan Wang Wakaf

	MAIS	
	2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN		
Saham Wakaf Selangor *	<b>8,030,089</b>	6,252,821
Sewaan Premis Wakaf	<b>734,477</b>	199,211
	<b>8,764,566</b>	6,452,032
LAIN-LAIN PENDAPATAN		
Dividen dan Keuntungan dari Pelaburan	<b>213,646</b>	321,537
Pelbagai Pendapatan	<b>18,286</b>	3,312
	<b>231,932</b>	324,849
	<b>8,996,498</b>	6,776,881
PERBELANJAAN		
Bekalan & Perkhidmatan	-	2,846
Penyelenggaraan dan Pembaikan	<b>64,596</b>	57,261
Perkhidmatan Ikhtisas & Honorarium	<b>320,283</b>	164,330
Sumbangan, Pemberian & Bayaran Tetap	<b>195,654</b>	-
Perbelanjaan Lain	<b>618</b>	55,070
Susutnilai Aset Tetap	<b>130,091</b>	128,083
Hutang Ragu & Hapus Kira	<b>41,950</b>	65,875
	<b>753,192</b>	473,465
LEBIHAN/(KURANGAN)	<b>8,243,306</b>	6,303,416

\* Saham Wakaf Selangor (SWS) adalah satu cara berwakaf melalui wang tunai kepada Majlis sebagai pemegang amanah.



Jumlah Kutipan ini tidak termasuk kutipan SWS khas.


(d) Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari/Bersekutu

Pendapatan dan perbelanjaan operasi Syarikat Subsidiari adalah perolehan dan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat subsidiari Majlis, urusniaga antara syarikat-syarikat subsidiari dan Majlis telah dihapuskan semasa penyatuan.

	KUMPULAN	
	2014	2013
	RM	RM
Pendapatan Operasi	<b>73,637,522</b>	69,909,422
(-) : Kos Langsung	<b>(69,875,089)</b>	(52,338,845)
Untung Kasar	<b>3,762,434</b>	17,570,577
Lain-lain Pendapatan	<b>13,500,424</b>	15,774,233
	<b>17,262,858</b>	33,344,810
(-) : Belanja Pentadbiran dan Operasi	<b>(30,228,974)</b>	(25,846,678)
Keuntungan dari Operasi	<b>(12,966,116)</b>	7,498,132
(-) : Kos Kewangan	<b>(69,020)</b>	(167,303)
Keuntungan Syarikat	<b>(13,035,136)</b>	7,330,829
(-) : Pembahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu	<b>(369,025)</b>	(171,076)
Keuntungan Sebelum cukai dan zakat	<b>(13,404,161)</b>	7,159,753
(-) : Cukai	<b>(357,927)</b>	(372,775)
Keuntungan Bersih tahun Semasa	<b>(13,762,088)</b>	6,786,978

29. CUKAI

	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Cukai tahun semasa	<b>357,927</b>	372,775	-	-




Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan berkenaan ke atas keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun ke atas perbelanjaan cukai pendapatan, pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:-

	KUMPULAN		MAIS	
	2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Lebihan sebelum cukai	<b>(9,786,195)</b>	79,593,821	<b>3,938,215</b>	72,523,529
Cukai pada kadar 20% (2013 : 20%) ke atas RM500,000 (2013 : RM500,000) yang pertama bagi pendapatan yang dikenakan cukai	<b>(40,583)</b>	71,164	-	-
Cukai pada kadar 25% (2013 :25%) ke atas baki pendapatan yang dikenakan Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam menentukan keuntungan bercukai	<b>(3,220,721)</b>	1,707,210	-	-
Kesan cukai ke atas pendapatan yang tidak dikenakan cukai	<b>735,631</b>	647,353	-	-
Cukai tertunda tidak diiktiraf pada tahun semasa	<b>(2,913,922)</b>	(3,000,000)	-	-
Kekurangan/lebih peruntukan pada tahun-tahun lepas	<b>5,812,623</b>	944,094	-	-
Elaun Modal diiktiraf	<b>(15,101)</b>	2,113	-	-
Perkongsian cukai dari syarikat bersekutu	-	(3,870)	-	-
	-	4,711	-	-
	<b>357,927</b>	372,775	-	-

### 30. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan baki wang terkumpul adalah melibatkan perkara seperti berikut:

KUMPULAN	Baki pada awal tahun RM	Pelarasan tahun lepas RM	Baki Selepas Pelarasan RM
Majlis Agama Islam Selangor	483,421,474	<b>(72,543)</b>	483,348,931
Kumpulan dan Syarikat Subsidiari	34,459,866	<b>472,744</b>	34,932,610
	517,881,340	<b>400,201</b>	518,281,541




	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Kesan ke atas keuntungan/(kerugian) terkumpul				
Pada 1 Januari seperti yang dinyatakan sebelumnya	<b>517,881,340</b>	439,041,692	<b>483,421,474</b>	410,893,347
Kesan ke atas kesilapan pada tahun-tahun sebelumnya	<b>400,201</b>	(381,398)	<b>(72,543)</b>	4,598
Pada 1 Januari selepas dinyatakan semula	<b>518,281,541</b>	438,660,294	<b>483,348,931</b>	410,897,945

Angka perbandingan bagi perkara berikut pada 31 Disember 2013 telah dinyatakan semula :-

KUMPULAN	Sebelum Pelarasan	Pelarasan	Selepas Pelarasan
Hartanah Loji dan Peralatan	115,382,541	<b>372,612</b>	115,755,153
Penghutang	53,631,966	<b>(71,300)</b>	53,560,666
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	32,982,221	<b>107,689</b>	33,089,910
Keuntungan Terkumpul	517,881,340	<b>(8,800)</b>	517,890,140
		<b>400,201</b>	

### 31. TUNAI DAN SETARAAN TUNAI BERSIH

	KUMPULAN		MAIS	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Wang Wakaf Khas	<b>54,123,723</b>	22,978,955	<b>54,123,723</b>	22,978,955
Wang Dalam Perjalanan	<b>47,482,156</b>	55,339,014	<b>47,482,156</b>	55,339,014
Pelaburan Mudharabah	<b>97,170,114</b>	233,391,276	<b>86,467,516</b>	229,123,995
Tunai di Tangan Dan di Bank	<b>203,858,643</b>	85,731,107	<b>196,674,121</b>	81,972,271
	<b>402,634,636</b>	397,440,352	<b>384,747,516</b>	389,414,235



### 32. LIABILITI LUAR JANGKA

#### MAIS

Merupakan jaminan yang diberikan oleh Majlis kepada pihak ketiga untuk syarikat subsidiari iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berkaitan Pembangunan Kediaman Pelajar dan Pusat Pelajar, KUIS secara 'Build, operate and transfer (BOT)' dan berlaku sekiranya syarikat subsidiari gagal mematuhi terma dan syarat termaktub dalam perjanjian berkaitan.

Peruntukan tidak diperlukan berhubungan dengan perkara ini, kerana kemungkinan aliran keluar sumber-sumber tidak diperlukan untuk menjelaskan liabiliti tersebut. Apabila berlaku pertukaran kemungkinan di dalam aliran keluar sumber ekonomi, dan aliran keluar adalah berkemungkinan, ia akan diiktiraf sebagai peruntukan.


### 33. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan bagi Penyata Kewangan yang disatukan antara Majlis dan syarikat subsidiari dalam kumpulan telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa


### 34. LEMBARAN IMBANGAN (MENGIKUT KUMPULAN WANG) PADA 31 DISEMBER 2014

#### (a) KUMPULAN WANG ZAKAT

	MAIS	
	2014	2013
	RM	RM
<b>ASET SEMASA</b>		
Pelbagai Penghutang, Pendahuluan dan Deposit	<b>31,103</b>	1,300,148
Peruntukan Pendahuluan Agihan Zakat	<b>770,299</b>	2,945,069
Wang Dalam Perjalanan	<b>47,482,156</b>	53,085,301
Pelaburan Al-Mudharabah	<b>86,337,047</b>	167,745,058
Wang Tunai Di Tangan dan Bank	<b>158,177,010</b>	76,126,733
	<b><u>292,797,615</u></b>	<u>301,202,309</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	<b>9,306,481</b>	13,236,073
	<b><u>9,306,481</u></b>	<u>13,236,073</u>



ASET BERSIH	<b>283,491,134</b>	287,966,236
Dibiayai Oleh		
LEBIHAN TERKUMPUL	<b>283,491,134</b>	287,966,236
	<b>283,491,134</b>	287,966,236
<b>(b) KUMPULAN WANG BAITULMAL</b>		
	<b>2014</b>	2013
	<b>RM</b>	RM
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah Loji dan Peralatan	<b>103,945,971</b>	90,767,665
Pelaburan	<b>14,175,663</b>	7,191,593
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	<b>8,155,935</b>	8,155,935
	<b>126,277,569</b>	106,115,193
ASET SEMASA		
Penghutang	<b>8,524,144</b>	11,820,265
Pelbagai Penghutang, Pendahuluan dan Deposit	<b>199,012</b>	302,977
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari	<b>9,268,304</b>	9,268,304
Pelaburan Al-Mudharabah	<b>130,469</b>	50,128,937
Wang Tunai Di Tangan dan Bank	<b>38,497,111</b>	4,989,443
	<b>56,619,040</b>	76,509,926
LIABILITI SEMASA		
Wang Amanah	<b>678,366</b>	422,269
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	<b>3,650,885</b>	3,156,498
Wang Cagaran, deposit dan Pendahuluan	<b>1,942,119</b>	1,781,194
Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil	-	737,387
	<b>6,271,370</b>	6,097,348
ASET SEMASA BERSIH	<b>50,347,670</b>	70,412,578
ASET BERSIH	<b>176,625,239</b>	176,527,771



Dibiayai Oleh

LEBIHAN TERKUMPUL

**176,625,239** 176,527,771**176,625,239** 176,527,771

(c) KUMPULAN WANG WAKAF

2014  
RM2013  
RM

ASET BUKAN SEMASA

Hartanah Loji dan Peralatan

**5,031,860** 5,135,386**5,031,860** 5,135,386

ASET SEMASA

Penghutang

**134,775** 78,690

Pelbagai Penghutang, Pendahuluan dan Deposit

**636,698** 40,029

Peruntukan Pendahuluan Agihan Wakaf

- 292,476

Wang Wakaf

**54,123,723** 22,978,955

Wang Dalam Perjalanan

- 2,253,713

Pelaburan Al-Mudharabah

- 11,250,000

Wang Tunai Di Tangan dan Bank

- 856,095

**54,895,196** 37,749,958

LIABILITI SEMASA

Wakaf Khas

**28,702,053** 20,801,305

Istibdal Wakaf

**1,734,917** 1,734,917

Pelbagai Pemiutang dan Akruan

**1,804,280** 1,222,350

Wang Cagaran, deposit dan Pendahuluan

**515,033** 199,305**32,756,283** 23,957,877

ASET SEMASA BERSIH

**22,138,913** 13,792,081


ASET BERSIH

**27,170,773** 18,927,467


Dibiayai Oleh

LEBIHAN TERKUMPUL

**27,170,773** 18,927,467**27,170,773** 18,927,467



**LAPORAN  
AKTIVITI**  
LAPORAN TAHUNAN 2014

**JANUARI****2 Jan**

2 Jan: Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman menerima watiqah pelantikan sebagai Ahli MAIS yang baharu pada 2 Januari 2014.


SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor berkenan melantik dan menerima sembah menghadap dua orang Ahli MAIS baru bagi sesi 2012 - 2014 pada satu majlis yang diadakan bertempat di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam.

Pelantikan Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, Penasihat Undang-undang Negeri dan Y.Bhg. En. Ahmad Zaharin bin Mohd Saad, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai Ahli MAIS yang baru berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014 – Disember 2014.

Pelantikan ini selaras dengan Seksyen (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan:

“Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota-anggota lain yang dilantik di bawah perenggan (1)(d) hendaklah dilantik oleh DYMM Sultan atas budi bicara baginda bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang ditentukan oleh DYMM Sultan”.

Pelantikan ini, menjadikan keseluruhan Ahli MAIS bagi sesi 2012 – 2014 berjumlah 20 orang dengan diketuai oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa selaku Pengerusi.



## 14 Jan

SHAH ALAM - Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1435 Hijrah peringkat negeri Selangor disambut meriah dengan kehadiran rakyat Selangor yang memenuhi Stadium Malawati Shah Alam seawal jam 8 pagi.

Sambutan pada tahun ini mengangkat tema "Wasatiyah Tonggak Kesatuan Ummah"

Majlis ini disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Turut hadir sama adalah Dato' Menteri Besar Selangor, Pengerusi MAIS, Dato' Mufti Selangor dan Setiausaha MAIS.

Sambutan ini dimeriahkan dengan perarakan daripada Stadium Mini ke Stadium Malawati sambil berselawat ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Sebanyak 128 kontinjen yang terlibat termasuk kontinjen MAIS seramai 45 orang. Disamping itu juga, kontinjen terbaik diberi penghargaan mengikut dua kategori iaitu kategori perarakan dan kategori sepanduk.


Sementara itu, DYMM Sultan Selangor turut berkenan menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul bagi kategori (Anugerah Umar Abdul Aziz) diberikan kepada Datuk Dr. Haji Yahya bin Haji Baba, Dr. Salasiah Binti Hanin Hamjah (Anugerah Saidatina Khatijah), dan Allahyarham Ahmad Ammar bin Ahmad Azam (Anugerah Saidina Ali).

## 29 Jan



29 Jan- Pengerusi MAIS, Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa menyampaikan cenderamata kenangan kepada Pengerusi Hidayah Centre Foundation, Haji Nicholas Sylvester.

SHAH ALAM 29 Januari - MAIS telah menerima kunjungan dari Hidayah Centre Foundation diketuai oleh Haji Nicholas Sylvester, Pengerusi Hidayah Centre Foundation. Delegasi seramai 5 orang ini disambut mesra oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS dan Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS.



Kunjungan selama setengah hari ini bertujuan mengeratkan jalinan kerjasama yang sedia terjalin dan bertukar-tukar pandangan berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Muallaf dan Pengurusan Dakwah Masyarakat kepada orang bukan Islam. Pelbagai persoalan dan buah fikiran dilontarkan sepanjang sesi perbincangan diadakan dan diharapkan perjumpaan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dua hala di antara Hidayah Centre dan MAIS.

## FEBRUARI

### 8 Feb

KAJANG – Seramai 200 pesalah HIV/AIDS telah menghadiri program Sifar HIV anjuran MAIS dengan kerjasama Penjara Kajang dan Persatuan PENGASIH Malaysia pada 8 Februari yang lalu.

Program selama setengah hari itu merupakan program yang dianjurkan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS dikhususkan kepada golongan asnaf-asnaf Al-Riqab HIV/AIDS yang berada di Penjara Kajang.


Menerusi program ini ia dapat memberi perspektif baru kepada pesalah HIV/AIDS untuk menjadi masyarakat yang berguna agar terpelihara daripada terjebak semula dengan kegiatan yang tidak bermoral.

Turut hadir, Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS, Encik Husin bin Johari, Timbalan Pengarah, Penjara Kajang dan Datuk Mohd Yunus bin Pathi, Yang Dipertua PENGASIH. Di akhir program, tetamu yang hadir dihiburkan persembahan artis tempatan.

### 16 Feb



16 Feb: Tn. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar menyampaikan cenderahati kepada salah seorang orang asli dalam satu program ramah mesra pada 16 Februari 2014.



GOMBAK - Bagi memberi peluang kepada masyarakat orang asli beramah mesra bersama keluarga mereka yang belum memeluk Islam, satu program khidmat masyarakat MAIS bersama penduduk Kampung Orang Asli Ulu Kuang telah berlangsung dengan jayanya anjuran Unit Pengurusan dan Pembangunan Muallaf pada 16 Februari yang lalu.

Seramai 250 orang asli termasuk kanak-kanak dan keluarga mereka yang belum memasuki Islam terlibat dalam program ini yang dirasmikan oleh Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Gombak. Turut hadir Timbalan Setiausaha MAIS merangkap Pengarah Pembangunan Sosial MAIS.

Program yang diadakan selama sehari ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim antara orang asli (saudara baru) dengan keluarga mereka yang belum memasuki Islam selain dapat memupuk semangat kerjasama antara mereka serta berdakwah kepada keluarga yang belum memasuki Islam.

Selain beramah mesra dan program sukaneka, turut diadakan program ceramah motivasi kepada anak-anak orang asli bagi memberi galakan dan dorongan kepada mereka untuk belajar bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan.

**27 Feb**




27 Feb - Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS telah melawat tapak projek Baitul Iслаh MAIS.

SERENDAH 27 Feb - Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS telah melawat tapak projek Baitul Iслаh MAIS bagi memantau status terkini perjalanan projek berkenaan.

Selain Pusat Pemurniaan Akidah Baitul Iman dan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS kini sedang menguruskan perjalanan projek Baitul Iслаh iaitu sebuah pusat yang diwujudkan oleh MAIS di bawah Bahagian Pemulihan Al-Riqab bagi menempatkan penagih dadah tegar dan juga penghidap HIV.

Turut hadir Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Pengarah Pembangunan Sosial, Ustazah Hafizatul Akmal bin Abdul Jalil, Pengurus Bahagian Pemulihan Al-Riqab dan Encik Shah Ruddin bin Haji Abdul Hamid, Pengurus Bahagian Pengurusan Projek.



## 10 Mac

SHAH ALAM 10 Mac - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan sumbangan dana kepada 50 buah pertubuhan NGO Islam (NGO-i) yang berdaftar di bawah MAIS bagi membantu menjalankan perkhidmatan operasi masing-masing.

Bantuan ini merupakan bantuan fasa pertama bagi tahun 2014 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1.2 Juta.

Semua pertubuhan NGO-i yang terdiri daripada Pertubuhan Dakwah, Pengusaha Rumah Perlindungan, Pengusaha Rumah Anak Yatim dan Warga Emas menerima bantuan antara RM10,000, RM20,000 dan RM30,000.

Bantuan disampaikan oleh Y.D.H. Dato' Haji Emran bin Kadir, Ahli MAIS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (JPNGO-i) diiringi oleh Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Timbalan Setiausaha MAIS.

Antara NGO-i yang menerima sumbangan dana ialah PROKIM Malaysia, Pertubuhan Penawar Warisan, Darul Wardah, dan Rumah Penjagaan Damai.

Peserta Kursus Pemahaman Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, ILIM Lihat Pengurusan Muafak Negeri Selangor

## 20 Mac




20 Mac: MAIS dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor dan Sahabat Hospital Selangor mengagihkan sumbangan berbentuk hamper kepada pesakit HTAR pada 20 Mac 2014.

KLANG 20 Mac - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengagihkan 200 sumbangan berbentuk hamper kepada pesakit Hospital Tunku Ampuan Rahimah (HTAR) anjuran Unit Dakwah Hospital HTAR, Bahagian Pemulihan Al-Riqab.

Pesakit-pesakit telah diberi hamper berbentuk makanan bertujuan meringankan bebanan yang ditanggung oleh pesakit serta menyuburkan budaya ziarah yang digalakkan dalam Islam.

Turut serta wakil Lembaga Zakat Selangor (LZS), dan Sahabat Hospital Selangor.



## 21 Mac

KUALA LUMPUR 21 MAC - MAIS melalui Bahagian Harta Baitulmal telah mengadakan lawatan ke Association Of Shariah Advisor In Islamic Finance Malaysia (ASAS) atau Persatuan Penasihat Syariah Kewangan Islam Malaysia diketuai oleh Dato' Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS dan diiringi oleh Pengarah Iktisad MAIS, Puan Norraini binti Nordin serta kakitangan-kakitangan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Lawatan ini bertujuan mengenali ASAS dengan lebih dekat, di samping meneroka sumber-sumber baitulmal yang berpotensi yang terdapat di institusi kewangan Islam di negara ini seperti penyaluran Wang Tidak Patuh Syariah, Gharamah, dan Wang Tidak Dituntut.

Diharap lawatan ini menjadi pembuka jalan di antara baitulmal dan istitusi kewangan di dalam memertabatkan baitulmal sebagai badan yang unggul mentadbir harta umat Islam selaras dengan hukum syarak.

## 28 Mac




28 Mac - Program Kem SMART Solat Muallaf anjuran Unit Pengurusan Dan Pembangunan Muallaf

HULU LANGAT 28 MAC - Seramai 40 peserta di kalangan muallaf dan orang asli telah mengikuti Kem Smart Solat Muallaf anjuran Unit Pengurusan & Pembangunan Muallaf, Pejabat Agama Islam Daerah Petaling bertempat di Nur Lembah Pangsun.

Program selama dua hari itu bertujuan memberi pendedahan kepada muallaf mengenai cara bersolat, berwuduk, sembahyang berjemaah dan cara-cara mengamalkannya bagi menambahkan ilmu sebagai seorang muslim. Disamping itu, program ini juga turut diadakan aktiviti luar seperti Team Building dan Jungle Tracking.

Program ini telah berjaya menarik minat sebahagian besar muallaf dan orang asli untuk menyertai program yang bersifat ilmiah ini. Berdasarkan respon yang diperolehi di kalangan peserta yang hadir adalah amat baik dan kebanyakannya mereka amat berharap agar program ini diadakan lagi pada masa akan datang.

Program ini dirasmikan oleh Ustaz Helmi bin Mohd Nuri, Penolong Pengurus Bahagian Pengurusan & Pembangunan Muallaf.



21 Apr




21 Apr - Sebanyak 200 hamper sumbangan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diberikan kepada pesakit-pesakit di Hospital Serdang dan telah disampaikan oleh Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS.

SERDANG 21 APRIL – Sebanyak 200 hamper sumbangan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diberikan kepada pesakit-pesakit di Hospital Serdang sebagai bantuan bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh pesakit.

Pesakit-pesakit yang diberikan sumbangan terdiri daripada Wad Kronik iaitu di Wad Offamologi (Pembedahan Mulut), Pembedahan Sakit Puan, Kardiotorasik dan di Wad Rehab.

Sumbangan disampaikan oleh Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS. Turut serta dalam program ini ialah Imam Muda Asyraf, juara Imam Muda musim pertama.



MEI

9 Mei




9 Mei: Program Tautan Ukhwah Majlis Agama Islam Selangor 2014 berlangsung dengan meriah dan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik pada 9 Mei 2014.

Melaka 9 Mei - Program Tautan Ukhwah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2014 menyajikan pelbagai aktiviti menarik untuk kakitangan dan pegawai yang telah diadakan di Bayou Lagoon Park Resort selama 3 hari 2 malam.

Program yang bermula pada 9 Mei hingga 11 Mei ini merupakan salah satu program yang diadakan pada setiap tahun bertujuan memperkukuhkan nilai-nilai budaya kualiti dalam MAIS di samping mengeratkan hubungan sesama pegawai.

Program ini disempurnakan perasmianya oleh Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS. Program yang disertai oleh semua pegawai dan kakitangan MAIS seramai 200 orang ini dilibatkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah Ceramah Motivasi, Sukaneka, Cabutan Bertuah, dan Makan Malam Mahabbah.

Aktiviti sedemikian ini dapat memupuk semangat kerjasama dalam pasukan di samping merapatkan lagi hubungan silaturrahim sesama mereka.



## 2 Jun – 29 Ogos

SHAH ALAM 3 Jun – Bermula pada 2 Jun sehingga 29 Ogos ini, Perpustakaan Wakaf MAIS akan menganjurkan program khas sempena Bulan Membaca MAIS 2014. Program ini terbuka kepada semua ahli perpustakaan wakaf MAIS.

Program ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Mujaini bin Tarimin, Ahli MAIS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Perpustakaan Wakaf MAIS.

Melalui aktiviti ini juga turut diadakan program Friendly Library Card yang mana setiap ahli yang berminat akan diberikan kad friendly ini yang mengandungi 12 kolum untuk dicop dengan smiley face sebanyak 12 kali untuk setiap buku yang dipinjam. Ahli hanya perlu mengumpul ke semua cop tersebut dan akan diberikan hadiah setelah cop tersebut dikumpul. Program ini terbuka sepanjang tahun.

## 13 Jun




13 Jun: Pengerusi MAIS, Y.A.D. Dato Setia Hj Mohamad Adzib Bin Mohd Isa diiringi Pengarah Sektor Sosial Tn. Haji Ahmad Shahir menyampaikan sumbangan van kepada Rumah Pemulihan Al-Riqab pada 13 Jun 2014.

SHAH ALAM 13 Jun – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan sumbangan 10 buah van kepada Rumah Pemulihan Al-Riqab.

Sebanyak 10 buah rumah Pemulihan Al-Riqab yang berdaftar di bawah MAIS telah menerima sumbangan van yang disampaikan oleh Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS.

Sumbangan van ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial MAIS kepada Rumah Pemulihan Al-Riqab bagi membantu dan memberi kemudahan kepada penghuni-penghuni rumah berkenaan untuk aktiviti seharian.



Sumbangan yang menggunakan asnaf riqab Lembaga Zakat Selangor (LZS) ini memperuntukkan sebanyak RM1 Juta bagi kesemua kenderaan ini.

Antara penerima sumbangan ini ialah Rumah Raudhatul Sakinah Paya Jaras, Rumah Baitul Islah Bukit Beruntung, Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Sabak Bernam, Pertubuhan Penawar Warisan Puncak Alam, Rumah Darul Wardah Klang dan Rumah Penjagaan Damai Klang.

## 24 Jun



24 Jun: Konvensyen Pemerkasaan Ummah Peringkat Kebangsaan 2014 berlangsung pada 24 Jun 2014.

KELANA JAYA 24 Jun - Bagi mengetengahkan isu-isu semasa berkaitan keluarga, sosial dan komuniti, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Konvensyen Pemerkasaan Ummah Peringkat Kebangsaan 2014 bertempat di Kompleks Tabung Haji.


Sementara itu, pada majlis yang sama turut diadakan Perasmian & Pelancaran Manual Sosial yang dirasmikan oleh Dato' Haji Othman bin Mustapha, Pengarah Jakim dan Pelancaran Logo dan Tagline Al-Riqab yang dirasmikan oleh Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS.

## 25 Jun

SHAH ALAM 25 Jun - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan terus memperkenalkan program yang dapat memberi manfaat terutamanya kepada golongan asnaf riqab khususnya di negeri Selangor.

Pelbagai program diterjemahkan tahun ini dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM 23 juta kepada golongan asnaf riqab yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan, pencegahan dan kawalan selain pelbagai bantuan lain agar golongan terbabit kembali ke pangkal jalan.

Bagi memperkukuhkan lagi program asnaf riqab ini, MAIS memperkenalkan logo dan tagline Al - Riqab bagi penjenamaan baru khusus kepada asnaf riqab.



Pelancaran tagline Al-Riqab MAIS iaitu "Pembebasan Bermula Di Sini" memperlihatkan usaha MAIS secara berterusan membela golongan ini sejak dari mula memperkenalkan dan memperluaskan takrifan Al-Riqab kepada semua MAIN yang lain.

Sehingga kini, terdapat 23 rumah pemulihan dan perlindungan yang berdaftar di bawah MAIS dan menerima bantuan berbentuk geran tahunan dan peruntukan bantuan bulanan.

### 30 Jun



30 Jun - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan hari raya semasa Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Negeri.


SHAH ALAM 30 Jun - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 348 asnaf fakir dan miskin, 150 asnaf muaf serta 170 anak yatim pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Negeri.

Pada majlis yang sama, baginda turut berkenan menerima pembayaran zakat perniagaan daripada lima buah syarikat berjumlah RM24.3 juta.

Lima syarikat masing-masing yang menunaikan zakat ialah UMW Holdings Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Syarikat Plus Malaysia (Plus), Worldwide Holding Berhad dan Permodalan Negeri Selangor (PNSB).

Sebelum itu, Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS dalam ucapannya berkata, Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan sebanyak RM23.6 juta dan diagihkan kepada 32, 843 keluarga asnaf fakir dan miskin di Selangor.

"Setiap keluarga menerima bantuan zakat antara RM550 hingga RM1000 bergantung kepada jumlah tanggungan.



JULAI

6 Julai




6 Julai: MAIS yang diwakilkan oleh Y.D.H. Dato' Emran bin Haji Kadir, Ahli MAIS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras NGO Islam menyampaikan bantuan kepada NGO-i pada 6 Julai 2015.

BUKIT JELUTONG 6 Julai - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan bantuan kepada 39 buah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO-i) termasuk Badan Dakwah Daerah di Selangor.

Semua NGO-i menerima bantuan antara RM5,000 sehingga RM20,000 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM800 ribu.

Sumbangan ini disampaikan oleh Y.D.H. Dato' Emran bin Haji Kadir, Ahli MAIS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras NGO Islam.

Antara NGO-i yang menerima bantuan adalah Persatuan Perubatan Islam Malaysia (RM5,000), Persatuan Ikhwan Al-Hikmah Malaysia (RM10,000), Persatuan Cina Muslim Malaysia MACMA (RM20,000) dan Badan Dakwah Daerah Selangor menerima bantuan sebanyak RM30,000 setiap daerah.



## Julai



Julai - Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS telah menyampaikan Bantuan Ramadhan di Majlis Tadarus Perdana dan Program Berbuka Puasa Bersama Asnaf Al-Riqab anjuran bersama MAIS dan JAKIM.

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan bantuan Ramadhan kepada 6 buah Rumah Pemulihan Al-Riqab, baucer membeli belah kepada 122 asnaf riqab, sumbangan laptop dan projektor kepada 18 buah Rumah Pemulihan Riqab serta sumbangan kepada Persatuan Jaringan Islam Global Masa Depan (FGN).

Semua penerima menerima sumbangan antara RM500.00 hingga RM50,000.00 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM364, 528.00.


Bantuan ini disampaikan oleh Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS di Majlis Tadarus Perdana dan Program Berbuka Puasa Bersama Asnaf Al-Riqab anjuran bersama MAIS dan JAKIM.

### 20 Julai

SERDANG 20 Julai – Sebanyak 200 kuih raya sumbangan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diberikan kepada pesakit-pesakit di Hospital Serdang sebagai sumbangan hari raya dalam menyambut bulan Syawal yang akan tiba tidak lama lagi.

Pesakit-pesakit yang diberikan sumbangan terdiri daripada Wad Kronik iaitu di Wad Oftamologi (Pembedahan Mulut), Pembedahan Sakit Puan, Kardiotorasik dan di Wad Rehab.

Sumbangan disampaikan oleh Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Turut serta Ahli Sukarelawan Hospital Serdang daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).



## OGOS

### 24 Ogos

GOMBAK 24 Ogos - MAIS melalui Unit Pembangunan Muallaf Daerah Gombak telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya bersama penduduk orang asli di Batu 12.

Program ini merupakan program ramah mesra di samping meraikan bulan syawal bersama penduduk orang asli yang muslim dan non muslim. Selain itu, program ini juga dapat memberi manfaat yang berguna kepada pegawai di Unit Pembangunan Muallaf mendekati muallaf di kalangan orang asli.

## SEPTEMBER


### 3 Sept



3 Sept - Kunjungan hormat Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

SHAH ALAM 3 September - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Kunjungan yang diketuai oleh Tuan Haji Mustafabin Omar, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Baitulmal MAIJ dan beberapa wakil pegawai-pegawai MAIJ disambut baik oleh Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS dan pegawai-pegawai MAIS.

Kunjungan selama setengah hari ini bertujuan melihat pelaksanaan Modul Wasiat dan Hibah di negeri Selangor untuk digunapakai di pentadbiran MAIJ di samping mengalakkan percambahan idea serta meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan. Kunjungan tersebut juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara agensi-agensinya antara negeri-negeri.



## 24 Sept

NEGERI SEMBILAN – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada tanggal 24 September 2014 telah melawat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara dua buah badan agama di samping bertukar-tukar maklumat berkaitan organisasi masing-masing.

Rombongan MAIS diketuai oleh Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Timbalan Setiausaha MAIS dan tidak ketinggalan turut serta ialah Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan bersama pegawai MAIS yang terlibat. Rombongan MAIS disambut mesra oleh Tuan Haji Zainal bin Said, Pegawai Kanan Zakat serta pegawai-pegawai dari bahagian-bahagian berkaitan.

## 25 Sept




25 Sept: Delegasi Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei telah membuat kunjungan hormat ke Pusat Pemurnian Akidah (Baitul Iman) MAIS pada 25 September 2014.

KUALA KUBU BHARU - Pusat Pemurnian Akidah (Baitul Iman) MAIS telah menerima kunjungan delegasi Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei pada 25 September yang lalu.

Delegasi seramai 5 orang itu diketuai oleh Pegawai Ugama Kanan, Dayang Hajah Aminah Binti Okml Haji Mohd Yusof. Turut serta dalam rombongan itu ialah Penolong Pengarah Unit Perundangan Islam dan Pegawai Ugama Kementerian Brunei.

Delegasi ini diraikan oleh Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Timbalan Setiausaha MAIS dan Ustaz Izhar bin Ismail, Penguasa Baitul Iman serta pegawai-pegawai Baitul Iman. Di penghujung majlis ini, kedua-dua pihak saling bertukar cenderamata sebagai tanda kenangan terjalannya hubungan dua negara. Lawatan ini diakhiri dengan lawatan sekitar Baitul Iman.



## 28 Sept

BANTING - Program Tahsin Solat Muallaf Daerah Gombak telah diadakan pada 26 – 28 September lalu bertempat di Hotel Impian Morib. Seramai 50 orang di kalangan muallaf dari pelbagai bangsa di sekitar Gombak telah menyertai program ini.

Kesemua peserta didedahkan dengan Ceramah Agama, Praktikal Solat dan Latihan Dalam Kumpulan. Sebanyak empat slot ceramah yang dijalankan dalam program ini antaranya Perkaitan Akidah dan Ibadah yang telah disampaikan oleh Ustaz Anuar Hamzah bin Tohar dan ceramah bertajuk Ciri Kesempurnaan Dalam Solat disampaikan oleh Ustaz Abdul Syahid bin Mustafa.

## OKTOBER

### 21 Okt




21 Okt : Penguasa Baitul Ehsan memberikan ucapan semasa Majlis Hari Kecemerlangan Penghuni Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan pada 21 Oktober 2014.

SABAK BERNAM – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan terus memperkenalkan program yang dapat memberi manfaat kepada golongan asnaf riqab antaranya adalah kepada bekas pelatih-pelatih di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.

Bagi memberikan penghargaan kepada bekas pelatih-pelatih yang telah berjaya dalam bidang akademik dan kemahiran, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan MAIS telah menganjurkan Hari Kecemerlangan Penghuni Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan kali ke – 6.

Seramai 27 orang bekas pelatih Baitul Ehsan telah menerima anugerah meliputi Anugerah Cemerlang Kelas Fardhu Ain, Mata Pelajaran Terbaik Keseluruhan, Kelas Kemahiran Jahitan, Anugerah Khas, Anugerah Asrama Tercantik dan Anugerah Kumpulan Terbaik Riadhah



Bulanan. Penghargaan ini turut diberikan kepada tenaga pengajar yang menjadi tunjang utama kepada kejayaan pelatih-pelatih di sini.

Majlis ini dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Mujaini bin Tarimin, Ahli MAIS. Turut hadir Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Timbalan Setiausaha MAIS.

29 Okt




29 Okt - Majlis cabutan undi Karnival Sukan MAIS (KASUMAS) 2014

SHAH ALAM 29 OKTOBER – Karnival Sukan MAIS (KASUMAS) 2014 merupakan program sukan tahunan MAIS yang kelima dan mula dilaksanakan pada tahun 2009 serta dihoskan secara bergilir-gilir antara MAIS dan anak syarikat.

Pada tahun ini, Kumpulan MAIS Corporation Sdn. Bhd (KMC) telah dilantik sebagai penganjur tuan rumah dan turut dimeriahkan dengan penglibatan agensi Islam di Selangor iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Sebanyak tujuh agensi agama akan bertanding dalam KASUMAS 2014 pada 15 dan 16 November ini antaranya adalah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS), Kumpulan MAIS Corporation Sdn. Bhd (KMC), MAIS Zakat Sdn. Bhd., dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

Sementara itu, pada majlis yang sama turut diadakan penyampaian sumbangan oleh penaja KASUMAS 2014 iaitu syarikat Censof Sdn. Bhd. Penyampaian sumbangan disampaikan oleh Tuan Haji Ahmad Apandi bin haji Samsudin, Pengarah Pengurusan Korporat. Turut hadir wakil setiap agensi agama yang terlibat.



NOVEMBER

3 Nov




3 Nov: Jabatan Mufti Negeri Melaka telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman pada 3 November 2014.

KUALA KUBU BHARU 3 Nov - Dr. Haji Mohd Mohadis bin Haji Yasin, Timbalan Jabatan Mufti Melaka bersama 9 orang ahli rombongan telah datang melawat ke Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan dan fungsi Baitul Iman dari sudut operasi, sumber manusia dan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan di Baitul Iman.

Rombongan diraikan oleh Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Timbalan Setiausaha MAIS bersama pegawai-pegawai MAIS dan Baitul Iman. Turut serta pegawai di Jabatan Mufti Selangor.

Taklimat Baitul Iman disampaikan oleh Penguasa Baitul Iman, Ustaz Izhar Bin Ismail. Rombongan turut beramah mesra dengan para pelatih Baitul Iman dan turut meninjau persekitaran bangunan Baitul Iman.



7 Dis




7 Dis - Program Kemahiran Amal Islami Muallaf (KAMIL MUALLAF) Peringkat Negeri Selangor kali ke ñ 4, tahun 2014 berlangsung di Institut Latihan dan Dakwah Islamiah (ILDAS)

SABAK BERNAM 7 Disember – Muallaf Daerah Gombak, dinobatkan sebagai juara keseluruhan Kemahiran Amal Islami Muallaf (KAMIL MUALLAF) Peringkat Negeri Selangor kali ke – 4, tahun 2014 bertempat di Institut Latihan dan Dakwah Islamiah (ILDAS) yang berlangsung selama 3 hari bermula pada 5 hingga 7 Disember 2014.

Daerah Gombak memungut mata sebanyak 680 diikuti Daerah Hulu Langat (630 mata), tempat kedua dan Daerah Kuala Langat (300 mata) berada ditempat ketiga yang melibatkan seramai 160 orang peserta muallaf di setiap daerah Selangor.

Melalui program yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf ini, secara tidak langsung dapat menilai kemahiran muallaf dari segi pengetahuan Islam melalui acara-acara yang dipertandingkan berdasarkan bimbingan dan latihan yang diperolehi daripada kursus dan kelas fardhu ain muallaf yang dilaksanakan oleh MAIS.

Antara acara yang dipertandingkan dalam Kamil Muallaf ini ialah Tilawah Al-Quran, Hafazan, Solat Berjemaah, Azan dan Iqamah, Praktikal Wuduk dan Tayammum, dan Kuiz (berkumpulan).



15 Dis




15 Dis: Antara IPTA/S dan Institusi Khas Muallaf yang menerima sumbangan MAIS, dengan kerjasama LZS dan PKNS yang berjumlah RM 1.4 Juta pada 15 Disember 2014.

SHAH ALAM 15 Disember – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah menyerahkan sumbangan zakat bernilai RM1.4 juta kepada muallaf bagi tahun ini meliputi Sumbangan Bantuan Pendidikan IPTA/S & Institusi Khas Muallaf MAIS, Bantuan 'Back To School' Muallaf dan Sumbangan Zakat Perniagaan PKNS untuk Pembangunan Muallaf.

Daripada jumlah ini, MAIS telah memperuntukkan sebanyak (RM1.3 juta) kepada Bantuan Pendidikan IPTA/S & Institusi Khas Muallaf MAIS, Sumbangan Bantuan 'Back To School' Muallaf (RM40,000) dan Sumbangan Zakat Perniagaan PKNS Untuk Pembangunan Muallaf (RM75,000).

Bagi penerima sumbangan Zakat Perniagaan PKNS kepada Pembangunan Muallaf menerima sumbangan antara RM5000 hingga RM30,000. Antara penerima sumbangan adalah Panel Dakwah Muallaf MAIS untuk cetakan semula Buku Teks Muallaf Edisi Khas (RM30,000), Badan Dakwah Daerah Petaling (RM10,000) PTAD Hulu Langat (RM10,000), Islamic Information & Services Foundation (RM5000), Tetuan PERKIM (RM5000), Tetuan Persatuan Kebajikan Dan Pengurusan Islam Orang Asli Selangor (RM5000), Kuala Lumpur And Selangor Multiracial Reverted Muslims (RM5000) dan Hidayah Centre (RM5000).



16 Dis



16 Dis: Setiausaha MAIS, Dato'Haji Bakhtiar Bin Hussin dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor telah menyampaikan sumbangan bantuan bina rumah kepada muallaf pada 16 Disember 2014.

SEPANG 16 Disember – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyerahkan sumbangan bantuan bina rumah kepada muallaf di Kampung Orang Asli, Bukit Bangkong.

Seramai 26 orang penerima sekitar daerah Sepang telah menerima bantuan bina rumah yang disampaikan oleh Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Setiausaha MAIS.


Bantuan ini juga merupakan salah satu tanggungjawab sosial MAIS bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh muallaf di samping menyediakan kediaman yang selesa kepada muallaf yang baru memeluk Islam.

Sumbangan yang menggunakan asnaf muallaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) ini memperuntukkan sebanyak RM45,000.00 bagi setiap permohonan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,170,000.00.




# **STATISTIK**

LAPORAN TAHUNAN 2014





## WANG TIDAK PATUH SYARIAH BAGI TAHUN 2014



## BANTUAN KEBAJIKAN MUALLAF (2014)


Jumlah Terimaan (RM)







**BILANGAN PERMOHONAN BANTUAN KEBAJIKAN MUALLAF 2014**

- Bulanan(42I)
- Berkhatan(42A)
- Perubatan(46F)
- Sewa Rumah(42G)
- Beli Rumah(42M)
- Bina Rumah(42E)
- Baikpulih Rumah(42F)
- Modal(43A)
- Kecemasan(41F)
- Perkahwinan(42B)
- Jenazah(42H)
- Fi Guaman(42N)
- Hari Raya(41A)
- Rumah Perlindungan(41G)
- Galakan saudara baru(42C)








# KERATAN AKHBAR

LAPORAN TAHUNAN 2014

SELASA  
1 JULAI 2014

Harian Metro



SULTAN Sharafuddin Idris Shah menerima zakat perniagaan 2013 daripada PKNS dan Kumpulan Syarikat Anak diwakili Pemangku Pengurus Besar, Azlan Md Alifiah (kanan), semalam.

## Terus pertahan kesucian Islam

**Shah Alam:** Umat Islam diminta terus mempertahankan kesucian agama Islam daripada dirosakkan pihak tidak bertanggungjawab.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa berkata, tanggungjawab MAIS bukan setakat menentukan kesejahteraan sosial, akhlak dan ekonomi umat Islam, tetapi menjaga agama Islam itu sendiri.

Beliau berkata, perkara yang melemah dan merosakkan agama Islam seperti syirik, munafik dan khurafat perlu ditolak umat Islam sendiri.

"Alhamdulillah, perjuangan mempertahankan kalimah Allah dari disalahgunakan orang bukan Islam sejak 2009 sudah berjaya.


"Begitu juga dengan kes rampasan Bible bahasa Melayu yang terdapat kalimah Allah oleh Jabatan Agama

Islam Selangor (JAIS) pada 2 Januari lalu yang dibuat selaras dengan kuasa di bawah Undang-Undang Enakmen Ugama Bukan Islam 1988," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Berbuka Puasa bersama Sultan Selangor, di sini, semalam.

Turut hadir, Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamed Khusrin Munawi, Mufti Selangor Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid dan Pengarah JAIS Ahmad Zaharin Mohd Saad serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Dalam majlis sama, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima pembayaran zakat perniagaan berjumlah RM24.3 juta daripada lima syarikat.



# RUMAH MAMPU MILIK ATAS TANAH WAKAF

» *PWS, Nada Sepakat bangun projek hartanah umat Islam*

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**T**idak ramai yang menyedari sistem wakaf mempunyai kelestarian dalam memperkasakan ekonomi umat Islam di negara ini.

Wakaf adalah sumber ekonomi terpendam umat Islam yang perlu dieksploitasi dengan sebaiknya kerana jika diuruskan dengan betul, ia mampu mewujudkan limpahan ekonomi yang memanfaatkan semua pihak.

Di Malaysia, sistem wakaf belum dieksploitasi sepenuhnya kerana masih ramai melihat wakaf dari skop yang sempit, sekali gus menjadikan pembangunan tanah wakaf di negara ini hanya tertumpu kepada pembangunan masjid, surau dan tanah kubur.


### Lebih progresif

Jika tanah wakaf dibangunkan dengan lebih progresif dan menyeluruh, ia mampu meningkatkan pegangan hartanah milik orang Islam di negara ini.

Menyedari potensi yang bakal diwujudkan itu serta memastikan amal jariah serta pahala pewakaf berpanjangan hingga ke akhirat, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menjalin kerjasama strategik dengan pemaju hartanah Bumiputera, Nada Sepakat Corporation (Malaysia) Sdn Bhd bagi membangunkan tanah wakaf untuk projek hartanah. **© Bisnes B2**



*Hustrasi projek hartanah mampu milik yang dibangunkan Nada Sepakat Corporation (Malaysia) Sdn Bhd di tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Selangor.*



Mohd. Hafiz Abd. Salam (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan buku kepada Zalimah Tukiman (kanan) pada lawatan rombongan Perpustakaan Wakaf MAIS, baru-baru ini.

16 UTUSAN MALAYSIA • SELASA 21 JANUARI 2014

## MAIS SERAH BANTUAN BERJUMLAH RM800 RIBU BAGI FASA 2 KEPADA NGO ISLAM

Ditulis oleh Webmaster pada 06 Julai 2014, Diterbitkan dalam Berita

**BUKIT JELUTONG** 6 Julai - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan bantuan kepada 39 buah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO-i) termasuk Badan Dakwah Daerah di Selangor.

Semua NGO-i menerima bantuan antara RM5,000 sehingga RM20,000 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM800 ribu.


Bantuan ini merupakan bantuan bagi fasa 2, tahun 2014 di mana jumlah keseluruhan sumbangan dana bagi fasa 1 dan 2 untuk tahun 2014 sebanyak RM1.5 juta bertujuan menambah dana kepada NGO-i bagi meneruskan usaha dakwah kepada masyarakat khususnya di negeri Selangor.

Sumbangan ini disampaikan oleh Y.D.H. Dato' Emran bin Haji Kadir, Ahli MAIS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan NGO Islam.

Antara NGO-i yang menerima bantuan adalah Persatuan Perubatan Islam Malaysia (RM5,000), Persatuan Ikhwan Al-Hikmah Malaysia (RM10,000), Persatuan Cina Muslim Malaysia MACMA (RM20,000) dan Badan Dakwah Daerah Selangor menerima bantuan sebanyak RM30,000 setiap daerah.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Timbalan Setiausaha MAIS dan Encik Abdul Basith bin Hamid, Timbalan Pengurus Besar Pejabat Agihan Lembaga Zakat Selangor (LZS).





➤ MegaAgama

# Kempen kesedaran ummah

Usaha bersepadu MAIS, Jakim dalam menangani pelbagai isu sosial

**M**AJLIS Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah menganjurkan Konvensyen Pemerkasaan Ummah Peringkat Kebangsaan 2014 pada hujung bulan lalu di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, Selangor.

Konvensyen dua hari itu bertemakan *Kesejahteraan Ummah: Tanggungjawab Bersama* dirasmikan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha.

Sebanyak 15 kertas kerja dibentangkan menangkumi pelbagai isu sosial umat Islam, pembangunan keluarga Islam dan diskusi al-Riqab.

Objektif utama konvensyen itu adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu semasa berkaitan keluarga, sosial dan komuniti Islam. Malah, konvensyen itu juga sejajar dengan usaha Jakim untuk memperkasakan lagi kerjasama strategik di antara agensi secara holistik dan berkesan, selain turut memfokuskan kepada pendekatan pembebasan, *amaf al-Riqab* daripada permasalahan sosial semasa.

Konvensyen turut membincangkan tentang mekanisme penglibatan dan peranan pemimpin, agensi awam dan swasta serta pihak-pihak berkaitan dalam menangani isu itu.

Pada penghujung konvensyen itu, Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (BSK) Jakim, Zakuan Sawal telah membentangkan resolusi konvensyen tersebut.

Para peserta konvensyen pula terdiri daripada 250 orang pegawai yang mewakili Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Pusat Pangutan Zakat Negeri. Manakala wakil dari Jabatan Pendidikan Negeri/Sekolah sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan turut hadir sama.

Pada majlis perasmian itu, Othman turut melancarkan tiga manual sosial Islam oleh Jakim iaitu *Manual Kaunseling Syariah, Manual Islam dan Mok Nyah* dan *Manual Sokarrelawan Sosial Islam*.

Manual-manual itu diharapkan dapat menjadi sumber maklumat, rujukan dan panduan kepada semua pihak yang berkaitan dalam menangani isu keluarga, sosial dan kesukarelawan.

Majlis itu ditutup oleh Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa.

**Peristiwa**

**MOHAMAD Adzib Mohd. Isa (kiri) menerima cenderahati daripada Zakuan Sawal pada majlis penutup Konvensyen Pemerkasaan Ummah Peringkat Kebangsaan 2014 di Petaling Jaya, baru-baru ini.**

## MAIS AGIH KUIH RAYA KEPADA PESAKIT HOSPITAL SERDANG


Ditulis oleh Webmaster pada 20 Julai 2014. Diterbitkan dalam [Berita](#)

**SERDANG** 20 Julai – Sebanyak 200 kuih raya sumbangan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diberikan kepada pesakit-pesakit di Hospital Serdang sebagai sumbangan hari raya dalam menyambut bulan Syawal yang akan tiba tidak lama lagi.

Pesakit-pesakit yang diberikan sumbangan terdiri daripada Wad Kronik iaitu di Wad Oftamologi (Pembedahan Mulut), Pembedahan Sakit Puan, Kardiotorasik dan di Wad Rehab.

Sumbangan disampaikan oleh Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Turut serta Ahli Sukarelawan Hospital Serdang daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).





# Persandingan beramai-ramai 20 pasangan mualaf

Kosmo  
29/5/2014

**SERAMAI 20** pasangan mualaf melangsungkan perkahwinan beramai-ramai dalam program

Jalinan Kasih Walimatul Urus Mega Mualaf daerah Kuala Selangor di Stadium Tertutup Kuala Selangor, Selangor baru-baru




ini. Kesemua pasangan pengantin mualaf tersebut terlebih dulu diarak mengelilingi pekarangan Stadium

Tertutup Kuala Selangor dengan menaiki trem sebelum bersanding beramai-ramai di pelamin khas.

Pegawai Tadbir Agama Daerah Kuala Selangor, Abdul Rahim Salleh berkata, program julung-julung kali anjuran Majlis Agama Islam Selangor dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Selangor itu bertujuan merapatkan lagi hubungan pasangan pengantin yang baru memasuki agama Islam.



**SERAMAI 20** pasangan mualaf bergambar pada majlis persandingan beramai-ramai di Stadium Tertutup Kuala Selangor, Selangor baru-baru ini.



## RM22 juta bantu asnaf Al-Riqab

Oleh MOHD HAFIZEE MOHD AROP  
hafizee@mediaprima.com.my

Setiausahanya Datuk Haji Bakhtiar Husien berkata, asnaf Al-Riqab bermaksud mereka yang berada di dalam cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan serta terbelenggu di bawah kawalan orang tertentu.

Menurutnya, ia termasuk bekas banduan penghidap HIV/Aids beragama Islam yang dikategorikan dalam golongan asnaf berkenaan.

Katanya, bekas banduan penghidap HIV/Aids yang dibebaskan dari penjara boleh memohon kepada MAIS untuk menerima zakat di bawah asnaf al-Riqab.

“Kami melihat perlunya pengagihan zakat ini kepada golongan berkenaan untuk membantu mereka merubah diri yang sebelum ini berada dalam kejahilan.

Kami meningkatkan peruntukan daripada RM5 juta kepada RM22 juta.

“Kami bukan saja mengagihkan zakat ini dalam bentuk wang tunai, tetapi menerusi pusat perlindungan Al-Riqab yang berdaftar di bawah pentadbiran MAIS,” katanya yang ditemui selepas merasmikan Program Sifar HIV di Penjara Kajang, semalam.


Program anjuran MAIS dengan kerjasama Penjara Kajang serta Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) itu memfokuskan kepada banduan HIV di penjara berkenaan agar mereka tidak tersisih akibat masalah dihadapi.

Hadir sama Timbalan Pengarah Penjara Kajang Husin Johari dan Presiden PENGASIH Datuk Yunus Pathi.

Sementara itu, Husin berkata, penganjuran aktiviti seperti itu oleh agensi lain membuktikan program pemulihan kepada penghuni penjara bukan saja dipikul Jabatan Penjara, malah mendapat perhatian semua pihak.

Katanya, program seperti itu dapat memberi motivasi kepada banduan HIV/Aids supaya meneruskan kehidupan dan tidak berputus asa dalam meneruskan kehidupan.

Hubungi bahagian pengiklanan kami untuk tujuan pengiklanan dan tajaan di dalam Harian Metro Online .  
© Hak cipta terpelihara 2007 The New Straits Times Press (M) Berhad



## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Aras 9, Menara Utara,  
Bangunan Sultan Idris Shah  
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK  
Seksyen 5, 4000 Shah Alam.  
Selangor Darul Ehsan

© 03-5514 3400 📠 03-5512 4042 (fax)  
✉️ [pro@mais.gov.my](mailto:pro@mais.gov.my) 🌐 [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)